

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 174 ● 22 - 28 JULAI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



## 30% pembangunan harta tanah KL kekal untuk orang Melayu



# 47.7% penduduk KL adalah Bumiputera

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

**S**HAHIDAN berkata demikian dalam jawapan bertulis ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dalam Sidang Parlimen pada Isnin.

Beliau berkata berdasarkan statistik bancian tahun 2020, sebanyak 47.7 peratus penduduk Kuala Lumpur adalah Bumiputera.

“Sekiranya peratusan harta tanah yang diperuntukkan kepada Bumiputera ditingkatkan, ini akan memberi lebih banyak peluang kepada Bumiputera termasuk orang Melayu memiliki harta tanah di Kuala Lumpur.

“Ia juga adalah menjadi hasrat KWP dan DBKL bagi mengenakan syarat peratus pemilikan Bumiputera yang lebih tinggi iaitu sekurang-kurangnya mengikut

peratusan kaum,” katanya.

Menurut Shahidan antara cabaran utama di dalam industri perumahan adalah ketidakmampuan membeli rumah mengikut harga pasaran, ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan rumah mengikut lokasi, kegagalan mendapatkan pembentukan perumahan dan lain-lain lagi.

“Perkara ini juga telah dibincangkan dalam mesyuarat peringkat tertinggi kementerian yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan mesyuarat telah bersetuju secara prinsip untuk meningkatkan peratusan ini dengan fleksibiliti iaitu antara 30 peratus sehingga 47 peratus.

“Walau bagaimanapun, kajian dan data adalah perlu sebelum sebarang keputusan dilaksanakan bagi mewujudkan suasana ‘Win Win Situation’ dengan izin, di antara pembeli dengan pemaju dan juga mengelak atau mengu-



DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan syarat 30 peratus untuk setiap pembangunan perumahan dan komersil untuk Bumiputera.

rangan projek lewat siap atau terbengkalai,” katanya.

Beliau berkata pihaknya turut memberikan tumpuan kepada

usaha membangunkan perumahan yang mampu, berdaya huni, berkualiti dan inklusif serta mampu dimiliki oleh rakyat dengan

menambah baik dasar terdahulu dari segi keluasan, spesifikasi dan ciri-ciri rumah, kualiti pembinaan, kadar kepadatan penduduk dan harga jualan.

“Di bawah dasar Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, penetapan syarat minimum kuota Bumiputera dikenakan bagi setiap projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Setempat (OSC) adalah seperti berikut, 60 peratus kuota Bumiputera dikenakan ke atas projek usaha sama antara agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dengan pemaju dan dilaksanakan atas tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

“Selain itu, 50 peratus kuota bumiputera dikenakan terhadap projek persendirian di atas tanah persendirian,” katanya. WK

## Bukan semua kawasan Kampung Sungai Baru bawah sekatan M.A.S

**KESELURUHAN** kawasan pembangunan semula yang melibatkan rumah teres dan rumah pangsa di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru di sini bukanlah di bawah sekatan *Malay Agricultural Settlement* atau M.A.S.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** menjelaskan kawasan operasi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) iaitu seluas 300.73 ekar merangkumi dua kawasan.

“Kawasan yang pertama iaitu kawasan *Malay Agricultural Settlement* atau M.A.S. seluas 219.91 ekar yang mempunyai sekatan kepentingan yang mengekalkan pemilikan orang Melayu.

“Manakala baki iaitu kawasan yang kedua seluas 80.82 ekar adalah berada di luar kawasan M.A.S. termasuklah keseluruhan kawasan Sungai Baru yang tidak mempunyai sebarang sekatan pemilikan,”

katanya dalam jawapan bertulis yang dikemukakan kepada Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dalam Sidang Parlimen pada Isnin.

Shahidan berkata dalam hal ini, bagi mana-mana pembangunan semula di luar kawasan M.A.S, pemaju digalakkan menyediakan rumah gantian kepada pemilik asal di tapak bagi tujuan mengekalkan kependudukan pemilik yang majoritinya orang Melayu dan rumah mampu milik yang memberi keutamaan kepada waris-waris pemilik.

“Berdasarkan tawaran yang dikemukakan oleh pemaju bagi Projek Pembangunan Semula kawasan Sungai Baru, pemilik masih boleh terus menetap di kawasan Sungai Baru dan mengekalkan kependudukan orang Melayu di skim pembangunan yang lebih selesa di tengah-tengah Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur.

“Pihak pemaju bagi projek ini akan membangunkan sejumlah 599 unit rumah gantian dan 300 unit rumah dijual secara pasaran terbuka dan diberikan keutamaan kepada orang Melayu,” katanya.

Menjelus lanjut, Shahidan berkata pemaju telah menawarkan tawaran usaha sama kepada pemilik-pemilik lot teres dan unit flat yang telah bersetuju dengan usaha sama ini bagi projek Kampung Sungai Baru.

“Berdasarkan tawaran usaha sama pemaju, pemilik akan memperolehi unit gantian harta tanah (*in-kind*) berdasarkan keluasan, jenis dan kategori tanah milik mereka.

“Pemilik yang mempunyai rumah flat PKNS bersaiz 441 kaki persegi akan memperoleh anggaran tawaran usaha sama bernilai lebih kurang RM884 ribu dengan unit gantian berkeluasan 969 kaki persegi dengan kemudahan fasiliti kondominium beserta petak aksesori tempat letak kereta. Manakala bagi rumah flat PKNS yang bersaiz 571 kaki persegi hingga 603 kaki persegi pula akan memperoleh anggaran tawaran usaha sama bernilai lebih kurang RM1.09 juta dengan unit gantian berkeluasan 1,200 kaki persegi,” katanya.

Beliau berkata bagi pemilik rumah teres pula, purata pemilik akan memperoleh tiga unit gantian harta tanah yang jumlah anggaran tawaran usaha sama bernilai lebih kurang RM2.7 juta.

“Pemaju juga telah menawarkan Paket Harmoni

iaitu sebuah unit kediaman berkeluasan 900 kaki persegi yang bernilai RM300 ribu dengan jumlah pampasan pengambilan tanah yang diterima oleh pemilik flat dipulangkan separuh kepada pemaju. Kediaman ini dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air berserta satu petak aksesori tempat letak kereta.

“Tawaran kepada pemilik unit flat ini telah diputuskan jumlah pampasan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

“Berdasarkan semua tawaran pemaju ini, pemilik-pemilik akan terus menetap di kawasan Sungai

Baru dengan lebih baik dan selesa,” katanya.

Sementara itu, Shahidan berkata, bagi kawasan M.A.S, terdapat sebuah projek yang telah siap dibina iaitu Residensi RAH yang terletak di Kampung Hujung Pasir, Kampong Bharu dan menyediakan 187 unit kediaman yang hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu.

“Selain Projek Pembangunan Semula kawasan Sungai Baru, terdapat satu lagi projek telah disiap dibina dan telah dihuni yang dikenali Legasi Kampong Bharu yang menyediakan sejumlah 206 unit rumah mampu milik dan 433 unit terbuka,” katanya. WK



KESELURUHAN kawasan *Malay Agricultural Settlement* (M.A.S) seluas 219.91 ekar dan ia tidak termasuk keseluruhan Kampung Sungai Baru.

  
**PERMOHONAN SKIM BANTUAN GALAKAN HAFAZ AL-QURAN  
MAIWP TAHUN 2022  
(KATEGORI TERBUKA)**

Ibtam & Warganegara Malaysia  
 Bermaastraku dan masing menerima di Wilayah Persekutuan tidak kurang daripada 1 tahun  
 Mampu menghafaz al-Quran minima 5 juzuk dan latihan menghafaz tahajjud hafazan dan memahami dzikir  
 Kategori juzuk yang ditawarkan adalah :  
I. Juzuk 1-5 II. Juzuk 1-10 III. Juzuk 1-20 IV. Juzuk 1-30  
 Bagi pemohon kali pertama, pemohon boleh memohon mana mana kategori juzuk berkenan.  
 Bagi pemohon yang pernah menerima bantuan berdasarkan kategori 30 juzuk, pemohon bagi kategori juzuk berkenan yang sama, TIDAK AKAN DIPERINTISANGKAN.  
 Pemohon akan dimaklum bantuan oleh Panel Tuan MAIWP.

**PERMOHONAN DIBUKA MULAI 18 JULAI 2022 (ISNIN)  
BOONG DAN DOKUMEN YANG LENGKAP HENDAKLAH DISERAH SERELEM 15 OGOS 2022 (ISNIN)**

**BORANG PERMOHONAN** boleh didapati :

(i) Kounter Perjalanan Zakat (PAZ)  
(ii) Kounter Agihan Aset 1, Bunguran PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur  
(iii) Muafakat di laman web MAIWP: [www.maiwp.gov.my](http://www.maiwp.gov.my)

**PERHATIAN:**

(i) Borang & dokumen yang tidak lengkap tidak akan diperintisang.  
(ii) Borang yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan diperintisang.  
Sebarang permasalahan berhubungan istilah teknikal sila hubungi tel: 03-40477600 atau 741077411 / 74112 / 74113 / 76501 Untuk Pendaftaran Sokongan IPTI pada wakil bekerjaya sahaja.



# KWP runding murahkan harga ayam

HAZIRAH HALIM

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) sedang mengkaji beberapa langkah bagi mengatasi masalah kenaikan harga ayam dan akan mengumumkan keputusannya dalam waktu terdekat.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata pendekatan yang diam-bil pihaknya untuk mengurangkan masalah tersebut sekali gus meringankan beban warga Wilayah Persekutuan.

"KWP juga akan berunding dengan peniaga ayam di premis-premis kementerian untuk mengurangkan masalah peniaga terbabit dalam masa sama membolehkan mereka menjual ayam pada harga lebih rendah."

"Rundingan itu melibatkan premis-premis kementerian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL),

Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).

"Hasil tinjauan saya ke beberapa pasar di Kuala Lumpur mendapati harga siling ayam sekarang adalah RM9.40 tetapi di negeri lain, ayam (secara purata) dijual lebih rendah daripada harga siling iaitu di Perlis, RM9.04, Kuala Lumpur RM9.16 dan paling rendah adalah di Pahang iaitu RM8.95," kata beliau kepada pem-berita selepas meninjau Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah di PA Seri Johor.

Tinjauan tersebut turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Datuk Zaizalnizam Zainun.

Mengulas mengenai Program Jualan Rakyat, Shahidan memaklumkan kira-kira 147 ribu penduduk di 59 Projek Perumahan Rakyat (PPR)



SHAHIDAN (dua kiri) berkesempatan hadir meninjau pelaksanaan Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah di PA Seri Johor, baru-baru ini.

dan PA serta kedai terpilih di Labuan akan memanfaatkan program ini selama enam bulan bermula 17 Julai (Ahad) lalu dengan peruntukan sebanyak RM3.48 juta.

"Selain itu, barang keperluan

harian dan barang basah lain seperti ikan, sayur-sayuran, sotong dan barang makanan kering juga dijual pada harga lima hingga 20 peratus lebih murah daripada harga di pasar awam," jelas beliau.

Beliau berkata sebanyak 1,707 kupon turut diedarkan kepada setiap Ketua Isi Rumah daripada golongan berpendapatan rendah (B40) untuk mereka menikmati pembelian barang bersubsidi dalam bulan yang sama dari tarikh penerimaan kupon sepanjang tempoh jualan rakyat berlangsung.

"Kupon ini diedarkan melalui YWP dan Persatuan Penduduk mengikut zon masing-masing yang mana ia juga membenarkan setiap penerima membeli satu barang bersubsidi di lokasi jualan berdasarkan first come first served basis.

"Saya berharap agar program yang dilaksanakan dengan kerjasama YWP dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini dapat membantu warga Wilayah Persekutuan terutamanya golongan B40 dalam menangani kos sara hidup sekali gus mengurangkan kos perbelanjaan harian mereka," kata beliau. **WK**

## MyGrocer@Wilayah kurangkan kos sara hidup warga PPR/PA

**KETUA** Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** mengharapkan pelaksanaan harga bersubsidi terhadap Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah mampu mengurangkan kos perbelanjaan dan tanggungan rakyat dalam pembelian barang harian.

Katanya, inisiatif pertama harga bersubsidi yang dilaksanakan di Perumahan Awam (PA) Seri Johor ini membuka peluang kepada 11,395 penduduk untuk mendapatkan barang basah dan kering dengan harga serendah lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

"Ini adalah salah satu usaha

YWP bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Persatuan Penduduk setiap parlimen membantu rakyat menangani kos sara hidup serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian mereka.

"Trak MyGrocer ini akan ditempatkan di kawasan PPR/PA yang telah dikenal pasti. Dengan cara ini, saya percaya ia dapat membantu penduduk mencari barang masakan terutamanya ayam, ikan, sotong, sayur dan keperluan lain dengan harga murah tanpa perlu bergerak jauh daripada kawasan perumahan," katanya kepada pem-berita ketika Majlis Penyerahan Bantuan Khas Persekolahan YWP

2022 di Laman Tun Razak, Jalan Selimang, Taman Tenaga, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata tumpuan utama inisiatif ini adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah (B40) di kawasan PA dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kerana sedar ramai yang terkesan selepas pandemik COVID-19 melanda negara.

Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah ini memanfaatkan kira-kira 147 ribu penduduk di PPR/PA di sekitar Kuala Lumpur untuk membeli ayam segar pada harga subsidi iaitu RM3.00 bagi seekor ayam dan RM0.50 bagi setiap 10 biji telur ayam Gred B. **WK**



ZAIZALNIZAM (kiri) menunjukkan ayam yang telah siap dipak kepada salah seorang penduduk PA Seri Johor.



### Reaksi MyGrocer@Wilayah

“**JIKA** dibandingkan harga di trak MyGrocer@Wilayah ini jauh lebih murah berbanding pasar raya. Tambahan pula penduduk turut diberikan kupon di mana pembeli boleh dapatkan barang dengan sedikit potongan harga dan ia berbaloi buat golongan berpendapatan rendah seperti kami.”

**Zainun Ibrahim**  
Penduduk

“**DENGAN** keadaan ekonomi sekarang, saya berterima kasih kepada pihak KWP atas inisiatif mengadakan program ini dan diharapkan ia dapat diadakan lebih besar bagi membolehkan penduduk membeli barang keperluan dapur dengan harga yang rendah.”

**Hamidi Abdul Hamid**  
Pengerusi Persatuan Penduduk Seri Johor 4B

“**KEPERLUAN** dapur yang disediakan semuanya segar. Ia sangat membantu kami mendapatkan barang asas seperti ayam dan minyak.”

**Hasnah Samsudin**  
Penduduk



“**SAYA** tahu berkenaan program ini daripada persatuan penduduk dan terus turun ke bawah bagi mendapatkan barang basah seperti ayam memandangkan di sini ia dijual dengan harga RM12 seekor jauh lebih murah berbanding pasar raya RM18.”

Selain itu MyGrocer turut menjual telur

ayam dengan harga RM0.50 bagi setiap 10 biji Gred B dan saya lihat ramai penduduk yang ambil peluang ini untuk membeli barang keperluan mereka.”

**Nab Salleh**

Penduduk

“**ALHAMDULILLAH** program ini mendapat sambutan baik daripada rakyat dan inisiatif KWP ini bertepatan di kala ekonomi tidak menentu dan perlu diteruskan bagi memberi impak yang baik kepada penduduk.”

Dari segi pelaksanaan ia sangat bagus namun di masa akan datang mungkin trak ini boleh memperbaikkan lagi pilihan barang seperti aneka jenis ikan supaya pembeli mempunyai banyak pilihan.”

**Ashrul Ashryzad Mohd Nashri**  
Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tun Razak



AKELUARAH  
MALAYSIA

### Program Jualan Rakyat



**JADUAL ZON 4**

	9.00 pagi - 12.00 t/hari	3.00 - 6.00 petang
	SELASA	PA WANGSA MAJU RI PA GOMBAK FASA 2
RABU	PPR JLN JELATEK PPR SERI SEMARAK	PA SETAPAK JAYA 1A PPR WANGSA SARI
KHAMIS	PA SERI PERLIS 1 PA SERI PERLIS 2 PA DESA REJANG	PPR HILIRAN AMPANG PA SERI KEDAH
JUMAAT	PPR SG BONUS PA SERI TIOMAN 1	PPR KG BARU AIR PANAS

Pengalaman, kemahiran boleh digunakan bantu kerajaan

# Manfaatkan ilmu bekas pegawai JASA

**K**EMAHIRAN yang ada dalam kalangan bekas pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) yang sebelum ini ditutup pada November 2018 boleh dimanfaatkan kerajaan hari ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata sebelum jabatan itu ditutup, jabatan yang telah berkhidmat sejak 60 tahun itu mempunyai pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dalam memberikan penerangan mengenai hal ehwal semasa.

"Mereka ini mempunyai kemahiran dan kebolehan serta khidmat mereka diperlukan untuk membantu kerajaan dalam menerangkan mengenai dasar-dasar kerajaan termasuklah Aspirasi Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Silaturahim Bekas Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di



JALALUDDIN (kiri) menerima cenderahati yang disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Program, Mohd Noor Bachok Sabtu lalu

Putrajaya pada Sabtu.

Beliau turut menasihatkan kumpulan tersebut untuk membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk membuat satu kertas cadangan ba-

gi menghidupkan semula jabatan tersebut dan bersedia menjadi orang tengah untuk mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Saya bersetuju dan menyokong harapan bekas pegawai JASA untuk mewujudkan kembali jabatan itu dan cadangan mengenainya akan dibawa kepada pengetahuan Perdana Menteri untuk mempertimbangannya.

Berkenaan tempoh masa yang diperlukan, jelas beliau bahawa perkara tersebut adalah di bawah kawalan bekas-bekas pegawai JASA dan beliau hanya bertindak sebagai orang tengah untuk menghubungkan hasrat tersebut kepada Perdana Menteri.

"Ini adalah di bawah bidang kuasa jawatankuasa penganjur dan mereka diminta wujudkan sebuah pasukan khas untuk berusaha ke arah itu dan *Insy-Allah*, seperti yang telah saya sebutkan tadi, saya akan membantu di dalam lingkungan tugas yang saya ada untuk memulakan satu perbincangan atau memulakan pendekatan bagaimana untuk menyambut cadangan daripada mereka," katanya.

WK

## Empat premis ditutup dalam operasi aktiviti haram

EMPAT premis hiburan di sekitar Kuala Lumpur ditutup oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu operasi Bersepadu Banteras Aktiviti Haram (BAH) Kuala Lumpur Siri 3, baru-baru ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** memaklumkan premis berkenaan dikenakan tindakan susulan melanggar Akta Hiburan (WPKL) 1992 dan Akta Kerajaan Tempatan selain turut didakwa atas beberapa kesalahan lain.

"Antara kesalahan yang dilakukan oleh operator premis berkenaan adalah membuka dan mengada-

kan hiburan deejay (DJ), membenarkan individu di bawah umur memasuki premis hiburan, membuka dan mengadakan hiburan muzik (*live music*) serta mengajikan pekerja warga asing tanpa permit yang sah.

"Dalam operasi tersebut, pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) turut menangkap dan menyiasat 15 orang (lapan wanita dan tujuh lelaki) untuk tindakan selanjutnya.

"Beberapa peralatan lain juga disita pihak DBKL antaranya tiga speaker, DJ Spinner, drum, mic stand, mikrofon, monitor, komputer riba, mixer, CPU, am-

plifier dan CCTV," katanya.

Menurut Jalaluddin, Operasi Penguatkuasaan secara bersepadu ini dari semasa ke semasa oleh pihak DBKL dan agensi-agensi penguatkuasaan untuk memastikan semua pihak mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan bagi memastikan Kuala Lumpur menjadi bandar raya yang selamat.

"Operasi ini telah mendapat kerjasama rakan-rakan strategik iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)," katanya.

WK

## CERTA KEDAI KOPI

### Mat Kilau yang 'berkilau'

DI sana-sini orang memperkatakan mengenai Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan. Tidak ketinggalan, sambil menghirup kopi atau teh panas, kawan-kawan Kedai Kopi juga bercerita mengenai filem yang telah mencecah kutipan lebih RM80 juta. Angka ini dijangka meningkat lagi. Memang benar-benar 'berkilau' filem ini.

Pencapaiannya di luar dugaan dan belum pernah dicatat oleh mana-mana filem Melayu sebelum ini. Kredibiliti Syamsul Yusof sebagai pengarah semakin terserlah. Ini adalah filem ke-11 arahan beliau.

Sentuhan Syamsul sebelum ini juga menghasilkan filem pecah panggung seperti Khurafat: Perjanjian Syaitan, Munafik, Evolusi KL Drift, KL Gangster, Bohsia: Jangan Pilih Jalan Hitam dan lain-lain.

Ramai memuji filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan sebagai sebuah filem sejarah yang serius, sarat dengan falsafah dan dialog kemas, *casting* hebat dan penuh aksi. Tiada unsur jenaka, romantik atau wanita jelita dan seksi dipamer sebagai daya penarik seperti dalam kebanyakan filem Melayu.

Sebenarnya filem berunsur sejarah sebelum ini kurang menarik penonton. Ia dibuktikan dengan filem-filem sebelum ini seperti Bukit Kepong (1981) arahan Allahyarham Tan Sri Jins Shamsuddin; Lettenan Adnan (2000) arahan Aziz M

Osman dan 1957: Hati Malaya arahan Shuhaimi Baba (2007).

Masyarakat dilihat lebih berminat kepada cerita komedi, romantik atau seram. Kerana itu ramai tidak menduga filem mengenai perjuangan Mat Kilau dan pahlawan Pahang lain seperti Datuk Bahaman dan Tok Gajah menentang penjajah Inggeris, mampu mencapai kejayaan hebat.

Timbul semacam keinginan membara di kalangan peminat filem untuk menyaksikan sejarah perjuangan Mat Kilau yang lahir pada 1886 dan meninggal pada 1970.

Tiada siapa tahu ke mana menghilangnya Mat Kilau sehingga dia muncul mengisyitarkan diri pada 1970, dan disahkan oleh kerajaan Pahang. Yang pasti penjajah Inggeris gagal mengesannya sepanjang tempoh dia menyembunyikan diri dan melancarkan penentangan.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucapan tahniah dan syabas kepada Syamsul Yusof kerana kecemerlangannya membawa kisah Mat Kilau ke layar perak. Tahniah juga kepada syarikat profileman Studio Kembara yang mengeluarkan filem ini.

Bukan senang hendak membuat filem sejarah kerana banyak kekangan dalam memastikan unsur sejarah dipapar dalam filem terpelihara. Fakta sejarah mengenai Mat Kilau sedaya upaya ditampilkan berterasusana sebenar pada era tersebut.

Catatan sejarah, rujukan dan penyelidikan adalah sumber utama filem kerana semua yang berlaku adalah pada era dan persekitaran bukan sezaman.

Ini memerlukan kesabar dan penghayatan teliti bagi memastikan fakta sejarah tersebut tidak terpesong. Namun

Syamsul dan syarikat produksi telah melaksanakan tugas ini dengan baik.

Ini dikuatkan dengan kejayaan semua pendokong watak yang memikul tanggungjawab dengan komitmen tinggi. Hasilnya penjelmaan watak yang penuh cemerlang di layar perak, memberi kesan meruntuh jiwa penonton.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap kejayaan Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan akan menjadi pendorong dan inspirasi kepada syarikat profileman menghasilkan filem epik. Banyak lagi perjuangan pahlawan dahulu boleh diangkat ke layar perak.

Antaranya Datuk Maharaja Lela (Perak), Dol Said (Naning), Rosli Dobby (Sarawak) dan Tok Janggut (Kelantan). Janganlah kisah pahlawan ini terhenti dengan Bukit Kepong, Lettenan Adnan dan kisah Mat Kilau sahaja. Banyakkan arkib filem epik negara.

### Bakti IPTA untuk siswa

**BEBERAPA** buah Institusi Pengajian Tinggi tempatan (IPT) mengorak langkah membantu meringankan beban kos sara hidup mahasiswa, khususnya di kalangan golongan B40, dengan memperkenalkan menu makanan berkualiti pada harga rendah.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyambut baik bakti IPTA ini untuk memastikan pelajar memperoleh makanan pada harga mampu tanpa berkompromi dengan mutu. Makanan pada harga lebih murah tetapi kualiti tinggi.

Di antara IPT yang telah melaksanakan inisiatif ini ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS),

Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Selepas ini dijangka banyak lagi akan mengikut jejak.

Melalui inisiatif ini, set makanan yang biasanya dijual antara RM7 hingga RM8, hanya dijual pada separuh harga iaitu sekitar RM3.50. Ini sejajar dengan pengumuman oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad sebelum ini mengenai pelaksanaan Food Basket Siswa Keluarga Malaysia.

Di bawah inisiatif Bakul Makanan Siswa Keluarga Malaysia ini, mahasiswa akan menikmati hidangan berkualiti pada harga siling RM3.50. Langkah ini untuk membantu meringankan kos harian mahasiswa.

Sebenarnya ia juga turut meringankan beban ibu bapa, khususnya dalam kategori B40, dalam pemberian sara hidup untuk anak yang belajar di IPT. Ramai mahasiswa masih bergantung kepada ibu bapa meski pun memperoleh saraan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Wang PTPTN sering kali hanya sekadar mencukupi untuk keperluan asas seperti membayar yuran, membeli buku dan peralatan belajar serta keperluan harian lain. Kerana itu bantuan ibu bapa masih diperlukan.

Pengurangan kos makanan mampu menjimatkan perbelanjaan yang disalurkan oleh ibu bapa kepada pelajar dan boleh disalur untuk tujuan lain. Bagi golongan B40, penjimatannya amat bermakna. Terima kasih kepada IPT yang begitu prihatin terhadap kebijakan pelajar mereka. Akal sihat terletak pada badan sihat.

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
Khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemondecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annur  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

#### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@yayasanwp.org.my

**P**ENGALAMAN menguruskan kehidupan warga Kuala Lumpur baginya amat bernilai. Sepanjang bergelumang dengan warga kota sewaktu krisis ekonomi pada tahun 1988 sehingga krisis kesihatan COVID-19 pada tahun 2020, ia telah banyak mengajarnya erti pengorbanan dan semangat kerja berpasukan bagi memberikan kehidupan yang lebih baik kepada warga kota.

Bagi Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **DATUK ANWAR MOHD ZAIN** yang meninggalkan perkhidmatan pada 21 Julai lalu, beliau sempat berkongsi isi hati, pengalaman dan wawasannya kepada Wartawan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** untuk melihat warga kota dapat menjalani kehidupan yang lebih baik sebelum mengimbas cap jari buat kali terakhir di pejabatnya baru-baru ini.

**WILAYAHKU:** Datuk telah berkhidmat kira-kira 34 tahun dengan DBKL, apa sebenarnya kemahuan dan keperluan sebenar warga kota?

**ANWAR:** Saya selalu melihat dalam kehidupan ini duit bukanlah segalanya seperti Teori Hierarki Keperluan Maslow yang kita pelajari iaitu perumahan, makanan dan pekerjaan yang telah pun disediakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun pihak DBKL sendiri. Tetapi saya masih melihat ada masalah dalaman pada setiap individu yang menyebabkan sama ada seseorang itu bahagia ataupun puas dengan apa yang telah dimiliki dan juga dinikmati. Saya lihat perkara itu tidak boleh dicapai melalui jalan mudah dan perkara ini yang sepatutnya ditanam dalam setiap generasi sikap bersyukur. Saya sering melihat sebahagian besar penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) ini dilihat kurang bersyukur dengan menunjukkan sikap seperti tidak menjaga kebersihan, vandalisme, tunggakan sewa bagi yang berkemampuan.

Bagi golongan penjaja pula, kebanyakannya mereka ini tamak dan mementingkan diri sendiri sehingga rela menzalimi komuniti setempat seperti tidak menjaga kebersihan, menyebabkan kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Jika masalah dalaman individu terlibat ini dapat diatasi, kita dapat lihat masalah keperluan dan kemahuan tidak timbul.

**WILAYAHKU:** Sepanjang perkhidmatan, sudah pasti ada polisi-polisi yang dibuat tidak mendapat sokongan daripada warga kota sehingga dibantah dan dikeji, bagaimana Datuk menghadapi cabaran ini?

**ANWAR:** Itu bagi saya perkara biasa kerana semua polisi yang dibuat ini mesti ada kebaikan walaupun tidak kepada sekelompok orang, mesti ada

# Warga kota perlulah lebih bersyukur dan bertimbang rasa

kelompok yang lain menerima manfaat daripada setiap polisi tersebut.

Cumanya, bagaimana kita berkomunikasi dengan kumpulan yang mungkin terjejas dengan polisi yang kita laksanakan itu dan bukan sahaja kepada mereka yang terlibat, contohnya jika DBKL bercadang untuk menyemak semula kadar sewaan rumah PPR dan PA, ia mesti mendapat bantahan daripada penduduk kerana ia perkara yang sensitif dan perlu mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak termasuk Ahli Parlimen, pemimpin komuniti, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Jika kita berjaya memberikan penerangan dengan cara yang betul kepada semua warga kota, berkemungkinan besar mereka akan memahami dan menyokong sesuatu polisi baharu yang diperkenalkan serta mungkin timbul idea-idea lain yang boleh membantu menyelesaikan masalah itu.

Apabila membuat sesuatu polisi atau keputusan ia tidak bertujuan untuk menindas sebaliknya orang yang menerima kesan dari tindakan itu sering merasakan ia dizalimi. Pada masa sama, mereka tidak sedar bahawa mereka juga menzalimi orang lain. Contohnya penjaja, apabila ada arahan dipindahkan mereka mendakwa tindakan itu menzalimi mereka, namun jika dibiarkan, komuniti di kawasan tersebut merasakan dizalimi kerana berlaku kesesakan kepada golongan yang lebih memerlukan?

**WILAYAHKU:** Isu perumahan awam merupakan isu yang sering dibincangkan malah senarai menunggu yang banyak menyumbang kepada tohongan terhadap DBKL, apakah sebenarnya yang berlaku?

**ANWAR:** Ia melibatkan kepada dua perkara utama, yang pertamanya penjelasan mengenai perkara ini bukan sahaja kepada penduduk yang terlibat, bahkan kepada semua pihak kerana ia isu yang sensitif dan yang keduanya adalah *will power*. Kita telah bersedia dengan perancangan untuk mengambil tindakan, namun pada keadaan tertentu, ada perkara yang tidak dapat dilakukan.

Kita memerlukan sokongan untuk mengambil tindakan kerana perkara ini mudah, jika tidak membayar sewaan selama bertahun-tahun, mestilah ia menzalimi orang lain kerana ada orang yang hendak membayar sewa namun disebabkan kelemahan itu, mereka tidak dapat menduduki Perumahan Awam ini.



**ANWAR** (kiri) memantau situasi semasa di Bilik Gerakan DBKL ketika banjir kilat melanda di ibu negara baru-baru ini.

Tetapi kita tidak mampu untuk memberikan penjelasan dan terus mengambil tindakan. Kami juga sering mengadakan sesi perbincangan dengan pemohon baharu supaya mereka memahami situasi yang dihadapi.

**WILAYAHKU:** Meskipun tidak semua, namun sudah pasti ada peningkatan pendapatan dalam kalangan penduduk PPR dan PA ini, adakah DBKL lihat dan ambil tindakan termasuk menasihatkan mereka mengosongkan premis untuk memberi laluan kepada golongan yang lebih memerlukan?

**ANWAR:** Sebenarnya, PPR dan PA ini bersifat rumah transit sahaja. Mereka akan dinilai setiap tiga tahun. Penilaian ini berdasarkan pendapatan dan sekiranya mereka ini masih mahu menduduki PPR dan PA, mereka mesti membuktikan pendapatan dan perlu membuat perakuan.

Apabila semakan dilakukan, memang kita lihat mereka ini sudah tidak layak untuk tinggal di PPR dan PA namun isunya adalah rumah untuk fasa seterusnya bagi yang mampu bayar sewa tidak ada.

Bagi saya soal polisi berkaitan perumahan ini, kita mesti fikir mengenai perancangan untuk menyediakan perumahan untuk golongan yang tertentu, contoh mungkin ada yang mampu untuk membayar RM500 sebulan namun ketika ini DBKL tidak ada menyediakan perumahan untuk golongan itu dan ia perlu difikirkan ke arah itu bagi membolehkan golongan ini berpindah dan pada masa sama, kita tidak boleh hanya menguatkusakan peraturan dengan menolak permohonan penyewa yang berkemampuan menyewa rumah pada kadar tersebut.

**WILAYAHKU:** Sepanjang perkhidmatan, boleh dikatakan wabak COVID-19 semestinya

direkodkan lebih 3,000 jenazah telah diuruskan di situ.

Selain itu, antara cabaran utama adalah untuk memberikan bakul makanan kepada setiap penghuni kerana kita tidak nampak musuh tersebut. Kemudian, apabila program vaksinasi, satu cabaran lain untuk mengaturkan keseluruhan penghuni PPR dan PA untuk mendapatkan vaksin masing-masing dan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kita merupakan peneraju terawal program vaksinasi bergerak di ibu kota.

**WILAYAHKU:** Apakah nasihat Datuk kepada pegawai dan kakitangan DBKL serta warga PPR dan PA serta penjaja di dalam Kuala Lumpur?

**ANWAR:** Sebagai pegawai dan kakitangan DBKL, pasti segala gerak geri akan diperhatikan. Saya sering menasihatkan agar sentiasa ikhlas ketika melaksanakan tugas kerana komitmen kita ini adalah untuk menguruskan kehidupan masyarakat di bandar raya ini dan buat sehabis baik.

Selain itu, pegawai-pegawai sentiasa mengutamakan integriti dan ia perlu sentiasa dijaga. Apabila bekerja kerajaan kita mudah terdedah dengan tanggapan negatif daripada orang ramai. Jadi kalau boleh awal-awal lagi perlu jauhi dengan unsur yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang salah.

Saya sering menyebutkan kepada pegawai-pegawai, DBKL ini mempunyai 20 jabatan dan ia satu organisasi yang besar, kita bekerja atas wawasan dan visi DBKL bukan jabatan masing-masing. Jadi setiap jabatan ini perlu bekerjasama dan tidak boleh bekerja secara silo.

Untuk itu, prasyarat yang utama adalah berkomunikasi dan koordinasi supaya kita mewujudkan visi yang ditetapkan DBKL. **WK**



# Perihal kesesakan di Kuala Lumpur



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**K**ESESAKAN sudah menjadi identiti di Kuala Lumpur. Kalau tidak ada kesesakan dan kenderaan bergerak lancar, itu bukan Kuala Lumpur yang kita semua kenal. Kecuali ketika hari raya atau Tahun Baru Cina, selain itu Kuala Lumur memang sentiasa sesak di sana sini.

Kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial menjadikan bandar raya ini lubuk rezeki. Pendatang dari seluruh negara – utara, selatan timur dan barat berkerumun di sini. Di mana ada gula banyaklah semut yang menghurung. Bagaimanapun agak berasib kerana banyak kementerian dan jabatan kerajaan sudah berpindah ke Putrajaya.

Bayangkan kalau semua kaki tangan kerajaan yang berada di Putrajaya itu dibawa balik semula ke Kuala Lumpur. Tidak dapat hendak dibayangkan keadaannya pada hari ini kalau tidak ada Putrajaya. Hatta sudah ada Putrajaya pun masih terus dibelenggu kesesakan yang berpanjangan.

Suatu ketika dulu saya lebih suka menggunakan motor kapcai untuk berurus di Kuala Lumpur. Tidak banyak masa yang terbuang dalam kesesakan dan kurang berada dalam tekanan. Cuma kena bersabar sikit - hari matahari jernih terpaksa berpanas, hari hujan pula terpaksa basah kuyup.

Saya memilih biarlah berpanas dan berhujan asalkan tidak terdera dalam kesesakan. Banyak pula masa yang dibazirkan untuk ke satu tempat yang sebenarnya dekat sahaja. Sesudah sampai berpeluh pula mencari tempat meletak kereta. Kalau ada pun harganya memang ‘potong leher.’

Sekarang ini pun banyak juga yang menunggang kapcai. Seorang diri atau berpasangan, tentulah suami isteri. Pertama mungkin disebabkan oleh faktor ekonomi kerana tidak mampu memiliki kereta. Kedua, sememangnya ada kereta tetapi menggunakan kapcai untuk berulang alik ke tempat kerja. Pilihan ini tepat.

Baru-baru ini ada sekumpulan penyelidik mencadangkan kepada kerajaan supaya melupuskan kereta yang berusia lebih 10 tahun. Alasan mereka, kereta yang sedemikian menjadi punca kesesakan di jalan raya terutama



**PERTAMBAHAN kenderaan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur.**

Kuala Lumpur. Tiba-tiba pula kereta lama dipersalahkan menjadi punca.

Hakikatnya kesesakan di Kuala Lumpur bukan disebabkan kereta yang berusia lebih 10 tahun. Sepanjang menjadi warga Kuala Lumpur sejak hampir empat dekad lalu, hanya beberapa kali sahaja melihat kereta rosak yang menghalang lalu lintas. Bagaimanapun kesesakan berlaku setiap hari.

Sekiranya semua kereta berusia lebih 10 tahun dilupuskan sekalipun, jumlah kereta tetap tidak berkurang. Ini kerana pemilik kereta yang dilupuskan itu terpaksa berusaha membeli kereta baharu walaupun sangat membebankan. Jumlah kereta di atas jalan kembali seperti asal.

Kesesakan berlaku disebabkan jumlah kereta yang banyak mengalir masuk ke pusat bandar. Selalunya sebelum plaza tol Sungai Besi sudah mula kesesakan dan berlarutan hingga ke pusat bandar. Sejak berdekad-dekad dulu begitulah keadaannya lalu lintas di Kuala Lumpur.

Kerajaan telah mengambil langkah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang moden serta tidak menggunakan jalan raya. Maka lahirlah LRT dan MRT yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan kawasan pinggir bandar dan Lembah Klang. Berpuluh ribu penumpang sehari moden ini.

Tidak dapat dibayangkan kalau tidak ada LRT dan MRT pada hari ini. Sudah berpuluh ribu penumpang dialih menggunakan LRT dan MRT pun keadaan di pusat bandar sesak sampai ke

tahap kronik.

Memang tidak dinafikan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur agak terlambat kalau dibandingkan dengan bandar raya lain di dunia. Janganlah dibandingkan dengan Jakarta atau Bangkok. Kedua-duanya sekelas dengan Kuala Lumpur.

London mempunyai sistem pengangkutan awam laluhan kereta api bawah tanah yang berpuluh tahun lebih awal berbanding Kuala Lumpur. Bukan sahaja lebih awal malah terlalu banyak laluhan. Ini membuatkan pergerakan di London dengan kawasan pinggir bandarnya lancar.

Hasil daripada sistem pengangkutan yang moden dan cekap itu, orang ramai tidak perlu memandu sendiri ke pusat bandar London. Maka jumlah kereta di atas jalan pada relativnya kecil berbanding saiz bandar raya itu yang besar.

Kenapa kereta bertambah banyak di Kuala Lumpur? Jawapannya ini adalah kesan pertumbuhan pesat taman-taman perumahan di pinggir bandar raya. Pertumbuhan ini menunjukkan peningkatan warga yang mencari rezeki di Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya.

Pertumbuhan ini juga sebenarnya sudah melimpah. Terlalu banyak kawasan perumahan baharu untuk menampung permintaan kediaman yang tinggi terutama berharga sederhana.

Sebahagian besar dalam kalangan penghuni perumahan itu memiliki kereta dan menggunakan untuk ke tempat kerja. Sejak

**“Kesesakan berlaku disebabkan jumlah kereta yang banyak mengalir masuk ke pusat bandar. Selalunya sebelum plaza tol Sungai Besi sudah mula berlaku kesesakan dan berlarutan hingga ke pusat bandar. Sejak berdekad-dekad dulu begitulah keadaannya lalu lintas di Kuala Lumpur.”**

dua dekad lalu ada pelbagai cadangan dikemukakan untuk mengurangkan kesesakan.

Antaranya yang paling tidak masuk akal adalah meminta pemaju mengehadkan ruang letak kereta di bangunan yang baru dibina.

Teori ini apabila tidak ada tempat letak kereta, orang ramai terpaksa menggunakan pengangkutan awam ke Kuala Lumpur.

Bagaimanapun mereka tidak pula berfikir bahawa sistem pengangkutan awam ketika itu masih belum mampu menampung jumlah pengguna yang banyak.

Hanya ada LRT - ke Wangsa Maju, Ampang, Bukit Jalil, Sentul Timur dan Subang Jaya. Muah atau tidak, terpaksa menggunakan kereta untuk ke Kuala Lumpur.

Saya masih ingat lebih kurang dua dekad lalu diwujudkan sistem tumpang kereta. Semasa kaedah itu mula-mula dilaksanakan, ada sedikit sambutan tetapi lama-kelamaan terus hilang. Ini kerana walau atas alasan apa sekali pun, tumpang kereta tetap menumpang. Banyak yang menganggap seperti menumpang kereta orang, bukan seperti teksi.

Kadang-kadang idea ‘orang besar-besar’ ini muncul dalam tidur.

Bangun pagi terus dilaksanakan kerana katanya di luar negara kaedah ini sudah berjaya. Bagaimanapun dengan ekosistem yang berbeza, akhirnya masing-masing membawa kereta ke tempat kerja.

Nampaknya kesesakan di Kuala Lumpur hanya boleh dikurangkan dengan menambah lebih banyak pengangkutan awam dari pinggir Kuala Lumpur ke pusat bandar.

Misalnya ketika MRT dari Sungai Buloh ke Kajang beroperasi, sistem pengangkutan ini banyak menyumbang pada pengurangan kenderaan di atas jalan.

Kini MRT menambah laluan ke Putrajaya dan pada masa depan terus diperluaskan di kawasan lain. Walaupun projek pembinaan MRT bukan murah tetapi sangat menyumbang pada jangka masa panjang. Saya membayangkan suatu hari nanti sistem pengangkutan awam kita setanding negara-negara maju lainnya.

Saya tidak fikir semua yang membawa kereta ke tempat kerja kerana suka memandu atau ‘kaki kereta’ yang tidak hidup berjauhan dengan kereta. Sebahagian besar terpaksa menggunakan kereta. Mereka pasti menggunakan pengangkutan awam dengan syarat tidak menimbulkan banyak masalah - tidak ikut jadual dan kerap berlaku kerosakan.

Misalnya banyak yang mengadu sistem pengangkutan Komuter kerap tidak mengikut jadual. Kalau di Jepun, kereta api elektrik datang lambat pun pihak pengurusan kanan datang meminta maaf kepada penumpang.

Kita tidaklah menyuruh kepimpinan KTMB berbuat demikian, tetapi cukuplah tangkas memperbaiki mutu perkhidmatan. Keprihatinan terhadap kualiti perkhidmatan akan menarik lebih banyak pengguna sekali gus membantu mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur.

## SAJAK

### IMBUHAN

Cempedak dan nangka spesies yang sama rasa yang berbeza melengkapkan menu pilihan enak dalam sajian

batu dan baju bahan yang berbeza ada nilai yang setara ungkapkan retorik yang bermakna dalam senyuman catur nisbah imbuhan menghargai tawaran!.

*Ismail Hashim  
Warisan Puteri, N. Sembilan*

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Jangan biar skim WBB disalah guna

**I**NISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang diperkenal sejak 2020 kebelakangan ini nampak seperti disalah guna oleh mereka yang ingin berniaga tetapi tidak mahu menurut peraturan. Ini perkembangan tidak sihat dan perlu diatasi segera.

Bagi Adi, jangan sampai niat murni mewujudkan WBB diambil kesempatan oleh mereka yang ingin berniaga cara mudah dengan melanggar semua syarat ditetapkan sehingga mencatatkan nama baik skim tersebut serta matlamat kerajaan mewujudkannya.

Kerisauan Adi timbul apabila melihat aktiviti niaga tidak terurus, bercelaru serta tidak sistematik dan lancar seperti digariskan dalam WBB. Gerai yang kebanyakannya menggunakan khemah atau kanopi tumbuh tidak terkawal sehingga menimbulkan keraguan adakah ia di bawah skim WBB atau sekadar 'gerai tumpang sela'.

Tidak dinasikan, WBB terbukti mampu menjadi sumber rezeki kepada golongan yang mencebur ke dalam niaga kecil-kecilan demi kelangsungan hidup, khususnya mereka yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19.

Penutupan sektor ekonomi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ramai hilang kerja dan terputus sumber pendapatan. Keadaan menjadi sukar lantaran hidup perlu diteruskan namun sumber pendapatan tiada.

Bertolak dari sinilah tercetus idea membantu mengatasi masalah ini. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan WBB untuk menggalakkan mereka yang terkesan mencebur ke dalam perniagaan kecil bagi menampung kehidupan.

Hakikat WBB terus disambung setiap enam bulan membuktikan kejayaannya. Terbaharu, skim ini yang berakhir pada Jun lalu disambung sehingga Disember. Jelas kaedah berniaga secara mudah ini mendapat sambutan ramai. Peniaga baharu muncul, yang sudah lama menyertai skim terus bertahan.

Prosedur mudah. Peniaga boleh mendirikan khemah atau kanopi di kawasan pilihan sendiri, namun perlu mendapat lesen daripada DBKL. Ini untuk membolehkan DBKL memantau operasi dan memberi bantuan kepada mereka jika diperlukan.

Namun Adi dapat merasa populariti dan kejayaan WBB telah diambil kesempatan apabila terdapat banyak gerai didirikan di merata-rata tempat di Kuala Lumpur khususnya, seolah-olah tidak terancang.

Situasi ini menimbulkan



PENIAGA disarankan tidak mengambil kesempatan terhadap inisiatif WBB dan digalakkan mematuhi syarat-syaratnya agar tidak disalahgunakan.

keraguan adakah peniaga tersebut beroperasi dengan mendapat kebenaran DBKL? Atau adakah mereka peniaga baharu yang ingin menumpang tuah tanpa memenuhi syarat ditetapkan?

Banyak gerai niaga ini ternyata tidak mematuhi syarat DBKL. Selain perlu lesen, gerai mesti tidak menganggu pergerakan orang ramai dan kenderaan, tidak menganggu kawasan parkir dan tidak mengabaikan aspek kebersihan persekitaran.

Namun senario ini berlaku. Adi ambil contoh di kawasan Taman Tasik Titiwangsa, kawasan rekreasi dan riadah popular untuk seisi keluarga. Pada perhatian Adi, terlalu banyak khemah dan kanopi didirikan oleh peniaga sehingga menganggu pergerakan orang ramai dan kenderaan.

Sebenarnya gejala ini sudah lama berlaku tetapi dibiarkan. Kerana itu Adi tidak dapat menduga adakah gerai niaga tersebut dilesen DBKL? Jika tidak, adakah DBKL menyedari masalah ini dan tiadak tindakan diambil?

Pihak DBKL bolehlah datang sendiri memantau dan

menyaksikan sendiri senario ini. Nyata gerai-gerai tersebut tidak mematuhi syarat DBKL. Kesemuanya didirikan dalam petak parkir di sepanjang jalan utama sehingga mengambil banyak petak parkir untuk pengunjung.

Jelas ini melanggar syarat tidak boleh mendirikan khemah di kawasan parkir. Disebabkan terlalu banyak gerai didirikan di petak parkir, pengunjung menghadapi masalah meletakkan kenderaan.

Pergerakan orang ramai menjadi sukar, selain menyebabkan aliran lalu lintas tidak lancar. Sudahlah banyak di antara petak parkir ini turut dipenuhi oleh pengendali basikal untuk sewa. Tempat parkir semakin berkurang.

Kebersihan sekeliling juga tidak dijaga dengan baik. Kelihatan sampah di sana sini menyakitkan mata memandang. Malah ia mencemarkan pemandangan Taman Tasik Titiwangsa yang kebersihannya mesti dijaga setiap masa.

Di samping itu, banyak gerai atau trak makanan ditinggal di tapak niaga, menguasai petak parkir sepanjang masa. Petak parkir seolah-olah tapak

**“Situasi ini menimbulkan keraguan adakah peniaga tersebut beroperasi dengan mendapat kebenaran DBKL? Atau adakah mereka peniaga baharu yang ingin menumpang tuah tanpa memenuhi syarat ditetapkan?**

kekal tetap. Ini jelas satu lagi pelanggaran syarat WBB yang menetapkan khemah atau kanopi niaga mesti dikemas dan disimpan selepas habis berniaga. Jika tidak, DBKL boleh merampas peralatan ditinggalkan.

Tetapi daripada perhatian Adi, siang malam hari berganti hari, ada sahaja kanopi di tapak niaga. Barangkali peniaga malas hendak mengemas. Tentulah mereka lebih seronok kerana pihak DBKL tidak bertindak.

Lantaran itu Adi berharap DBKL memandang serius perkara ini dan bertindak tegas. Jika pun gerai-gerai ini milik peniaga di bawah WBB, ia tidak harus dibiarakan kerana jelas melanggar syarat operasi.

Jangan dibiarkan gejala tidak sihat ini berterusan kerana ia tidak adil kepada peniaga yang mematuhi segala syarat dan akur dengan semua peraturan. Berniaga juga mesti berdisiplin. Justeru jangan biarkan skim WBB disalah guna sewenang-wenangnya dan diseleweng daripada matlamat asal.

**Adi—Sering ke Taman Tasik Titiwangsa**

## KUALA LUMPUR LOKASI DISUKAI PELAJAR ASING

KUALA Lumpur berjaya menempatkan diri di kalangan 30 ibu kota paling teratas dalam dunia sebagai bandar raya paling menarik dan disukai oleh pelajar luar negara untuk menimba ilmu di Institusi Pengajian Tinggi negara ini.

Menurut laporan 'Kedudukan Bandar Raya Terbaik Untuk Pelajar' bagi tahun 2023, Kuala Lumpur berada pada tempat ke-28 di seluruh dunia dan pada kedudukan keenam di Asia.

Bagi Adi ini sangat membanggakan kerana ibu negara dianggap lokasi yang sangat sesuai dan kondusif kepada pelajar luar untuk melanjut pelajaran sama ada bagi ijazah pertama atau ijazah lanjutan.

Secara tidak langsung ia meningkatkan kredibiliti Kuala Lumpur sebagai pusat ilmu yang terus menjadi rebutan pelajar antarabangsa. Memang sudah sekian lama universiti tempatan menjadi pilihan pelajar luar.

Namun laporan terbaharu membuktikan mereka puas hati dengan sistem pendidikan Malaysia di samping tertarik dengan cara hidup serta kemesraan rakyat negara ini. Kerana itu setiap tahun

kedatangan mereka bertambah.

Menurut ranking global, Kuala Lumpur juga menduduki tempat pertama sebagai lokasi 'mampu belajar' di Asia, mengatasi kota lain seperti Beijing dan Taipei. Ertinya yuran pembelajaran lebih mampu ditanggung oleh pelajar berbanding negara Asia lain. Bandar raya London pula terus menduduki tempat pertama di dunia.

Pengiktirafan global ini menyerlahkan kualiti pendidikan di universiti negara ini memang setara, malah mungkin lebih baik daripada negara lain di Asia khususnya. Aspek ini mesti dipupuk kerana ia mampu menjulang negara menjadi pusat 'pelancongan pendidikan' atau *education tourism*.

Negara kita selama ini cuba mempermosikan pelancongan dalam pelbagai bentuk dalam usaha menambah kedatangan pelancong asing. Ini termasuk 'pelancongan perubatan' di mana negara berusaha menarik pesakit luar negara datang mendapatkan rawatan di pelbagai pusat perubatan negara ini.

Sistem pendidikan yang sentiasa dipantau dan ditambah baik oleh kerajaan adalah antara faktor universiti tempatan mampu bersaing menarik lebih ramai pelajar luar dan pada masa sama membolehkan negara memperoleh tukaran wang luar.

Adi berpendapat, adalah penting kualiti yang ada terus dijaga dan dimajukan secara berterusan agar sentiasa selari dengan perkembangan pendidikan global. Ini untuk memastikan sistem pendidikan negara melonjak ke hadapan, mendorong lebih ramai menyukai dan memilih Malaysia sebagai destinasi mencari ilmu.

**Adi—Belajar dalam negeri**

*Adi Taib*

## SKETSA



**SAJAK**

## APA ADA DALAM TAS GUCCIMU

Kau selalu bermimpi seperti sang puteri, menghirup secawan kopi di kafe terkenal — New York City

Kau selalu berbunyi lalu, aku berdoa ke langit biar aku menjadi kucing biru sakti yang dapat mengabulkan segala mimpi dan detak hati ataupun biar aku menjadi lelaki bertanjak biru yang kau lipat ke dalam tasmu, Gucci biar segala mimpi dan detak hatimu menjadi realiti.

**ABUYON**  
Paka, Terengganu

Harap bantuan diperluaskan lagi

# Ibu bapa bersyukur anak-anak dibantu

DIANA AMIR

**S**INAR kegembiraan jelas terpancar di wajah setiap penerima Bantuan Khas Persekolahan Parlimen Seputeh baru-baru ini. Rata-rata ibu bapa memanjatkan kesyukuran kerana bantuan tersebut dapat meringankan beban mereka.

Malah, inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) untuk golongan berpendapatan rendah (B40) itu dilihat sebagai satu usaha murni di saat ramai yang terkesan ekoran kenaikan harga barang.

Menurut **Mira Yusop**, 48, bantuan tersebut memberi kelegaan buat ibu bapa seperti bagi kelangsungan pembentukan sekolah pertengahan tahun anak-anak dari pelbagai segi antaranya keperluan persekolahan.

"Biarpun baru pertengahan tahun namun beg sekolah anak saya yang darjah satu dah rosak. Dengan bantuan ini, dia dapat sebuah beg sekolah baru, pelitup muka dan wang tunai yang boleh digunakan untuk keperluan persekolahannya," ujarnya.

Sementara itu, **Shahrom Nizam Yusup**, 48, berkata ban-



PENERIMA sumbangan bergambar sejurus menerima bantuan sebuah beg sekolah, pelitup muka dan wang tunai.

tuan tersebut dapat menampung persekolahan dua orang anaknya memandangkan pendapatannya terjejas teruk sejak dua tahun lalu ekoran pandemik COVID-19.

"Anak saya berada di tingkatan satu dan tingkatan lima yang mana kita tahu mereka memerlukan belanja yang sedikit besar, jadi dengan bantuan wang tunai yang

diterima bolehlah digunakan mereka," katanya.

Turut berkongsi kegembiraan, **Nur Haafiza Haslan**, 32, berkata program tersebut perlu diteruskan serta diperluaskan lagi kerana masih terdapat ramai lagi golongan memerlukan yang tercicir.

"Sekiranya terdapat bantuan lain dapat disalurkan, saya begitu

alu-alukan terutama dari segi kewangan kerana perbelanjaan hari ini makin tinggi berbanding sebelumnya. Keadaan ini membuatkan kami tersepit.

"Jika ada bantuan barang dapur, kami juga amat berbesar hati kerana kenaikan harga barang membuatkan kami berkira untuk membeli barang basah sedang-

## Info ADUAN

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000

**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8000 8000  
Aduan : 03-8887 3000

**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852

**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

kan anak-anak juga memerlukan makanan yang berkhasiat," luahnya yang mengharapkan inisiatif seperti ini dapat diperluaskan lagi dalam membantu meringankan perbelanjaan sehari-hari.

Terdahulu, Program Bantuan Khas Persekolahan Yayasan Wilayah Persekutuan 2022 Parlimen Seputeh yang berlangsung di Kompleks Tun Abdul Ghaffar Baba pada 17 Julai lalu melibatkan seramai 1,000 penerima disampaikan Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff. **WK**

# Cabaran hebat BSMPK ketika pandemik COVID-19

AINI MAWAWI

**TIDAK** dinafikan, sesebuah organisasi yang berjaya perlu mempunyai jabatan yang memberikan perkhidmatan sokongan teras terbaik yang bermatlamat untuk memenuhi kehendak pengurusan, kebajikan kakitangan, kelestarian pejabat dan pengurusan aset secara efisien.

Begitu juga dengan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang turut memiliki pengurusan Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran Korporat (BSMPK) yang hebat serta mempunyai objektif dan hala tuju perkhidmatan tersendiri.

Sama seperti jabatan-jabatan lain, BSMPK mempunyai cabarannya yang tersendiri dalam menguruskan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan oleh organisasi YWP untuk membantu menaik taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Malah, ketika pandemik COVID-19 melanda, BSMPK juga turut berdepan dengan cabaran untuk menyelaras penglibatan kakitangan sebagai

sukarelawan di setiap program vaksinasi serta turun padang menyantuni komuniti.

Menurut Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran Korporat YWP, Zaidi Yusof, YWP tidak terkecuali menyumbangkan tenaga kerja dalam membantu kumpulan barisan hadapan.

"Ketika itu, dalam memastikan penglibatan kakitangan membantu golongan memerlukan, kita juga perlu mengatur tugas kakitangan yang bekerja dari rumah, pengurusan kebajikan kakitangan dan aplikasi teknologi baru.

"Biarpun kakitangan diarahkan bekerja dari rumah tetapi BSMPK perlu sentiasa memantau bagi memastikan operasi pejabat berjalan dengan lancar. Itu antara cabaran besar yang kami hadapi," ujar beliau yang merupakan individu penting yang mengetuai BSMPK.

Tambah beliau lagi, prospek objektif dan jangkaan pengurusan BSMPK di masa hadapan ialah melahirkan kakitangan yang kompeten, multitasking dan berprestasi tinggi melalui program dan latihan yang praktikal seterusnya memperkenalkan program-program kebajikan untuk kakitangan yang lebih berimpak.

Antara portfolio penting dalam



ZAIDI (duduk) bersama pasukan BSMPK yang bertungkus lumus memberi khidmat sokongan kepada YWP.

BSMPK adalah Pembangunan Sumber Manusia, Modal Insan, Peningkatan Kualiti, Latihan dan Kompetensi, Pentadbiran Am dan Pengurusan Aset, Pengurusan

Korporat (khidmat korporat berkaitan pengurusan, tatacara dan Kelola Pejabat Pengerusi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan Pejabat Pengaruh Perhubungan

## Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03 2698 3073 / 2073, Faks: 03 2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**Emel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Korporat dan Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah). **WK**

REALITI KEHIDUPAN



22-28 JULAI 2022. Bil 174

Wilayah Ku

# Pentas Seni Merdeka

## suburkan kreativiti budaya di ruangan awam



**K**EBUDAYAAN dan kesenian yang dianjurkan di ruangan awam merupakan sebahagian daripada aktiviti dalam sesebuah negara.

Kebebasan berkarya dan ekspresi seni tanpa sekat mendorong golongan budawayan di negara ini mencari kaedah bagi mempersembahkan khazanah bangsa supaya ia mampu menarik minat generasi muda agar ia terus dipelihara dari pupus di telan zaman.

Menerusi penganjuran program Pentas Seni Merdeka, Kuala Lumpur (KL) *Culture Nitez* yang mengetengahkan seni tari Ronggeng Melayu berjaya menarik kehadiran hampir 2,000 pengunjung sekali gus dapat menyemai bakat-bakat baharu untuk memperjuangkan seni dan budaya Melayu supaya ia diwarisi untuk generasi akan datang.

SAMBUNGAN  
DI MUKA 10



## Tiga seni tari pelengkap Ronggeng Melayu



AZLAN ZAMBRY

DARI MUKA 9

**SEJAK** sekian lama Jalan Raja yang terletak berhadapan Bangunan Sultan Abdul Samad sunyi dari sebarang aktiviti kesenian dan kebudayaan secara terbuka. Kawasan yang sememangnya menjadi tumpuan utama warga kota ini kembali dihidupkan semula melalui inisiatif pengaktifan ruang awam dengan aktiviti seni dan budaya kini dikenali sebagai 'Downtown KL' yang berfungsi sebagai daerah budaya dan kreatif.

Sudah pasti dengan inisiatif tersebut, ia menghidupkan aktiviti seni dan budaya melalui Program Pentas Seni Merdeka yang menghimpunkan budayawan dari seluruh pelosok tanah air memperkenalkan kembali seni tari klasik yang menjadi sebahagian budaya Melayu sejak zaman

berzaman.

Kemeriahan malam itu turut diiringi oleh bunyi instrumen akordion, gesekan biola serta paluan gendang membawa penonton ke masa lalu sambil mendengar dendangan lagu klasik yang dinyanyikan secara berduet.

Program yang dikemudikan oleh pelajar dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI, Albert anak Sigan telah membuka 'gelanggang' dengan memperkenalkan seni tari ronggeng dalam bentuk permainan santai.

Setiap gerak tari yang dimainkan itu berjaya mengajak penonton untuk turut serta mempersempurnakan tarian secara santai. Malah beliau turut memberikan penerangan secara ringkas mengenai seni tarian yang dilakukan pada persembahan tersebut.

Ronggeng Melayu adalah gabungan tarian dan muzik berentak

senandung mempersempurnakan tiga tarian iaitu inang, joget dan asli berserta lagu dan ia dimainkan dengan menari secara bepasangan sambil menyanyikan lagu bait-bait pantun.

Dari kaca mata audiens yang pertama kali melihat sendiri khazanah Melayu ini, tarian Ronggeng Melayu ini dilihat mudah dan ringkas menjadikan ia sering dipersembahkan di dalam majlis keramaian sehingga ia dekat di hati orang-orang Melayu dan diwarisi dari setiap generasi.

Meskipun dilakukan secara santai, namun dapat dilihat perlaku dan adab sentiasa dipelihara malah di antara pasangan ketika menari turut mempunyai jarak serta tidak ada sebarang sentuhan fizikal mahupun berpegangan tangan.

Tiga buah tarian yang dipersembahkan secara bersahaja sesama pasangan diiringi nyanyian lagu-lagu asli seperti lagu inang

iaitu senandung dan diakhiri dengan lagu joget.

Begitulah lengkapnya satu kitaran Ronggeng Melayu dan diikuti dengan persembahan seterusnya.

Inisiatif yang dicetuskan Think City Sdn Bhd dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Pusat Penyelidikan Seni Persembahan Nusantara (NusPARC) ini berjaya menghidupkan semula seni tari Ronggeng Melayu di tengah bandar raya.

Program tersebut berjaya mengumpulkan lebih 300 penari yang terdiri daripada penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan Akademi Seni Kebudayaan dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Agensi kerajaan Selangor, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri

Selangor (PADAT).

Ia juga disertai murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Taman Medan dan Sekolah Kebangsaan Sungai Pelong, Selangor.

Selain itu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur, Pink Dance Group yang terdiri daripada bekas pesakit kanser dan Nyala Dance Theater turut mengambil peluang untuk menghidupkan semula seni tari agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Selain persembahan seni tari Ronggeng Melayu, turut diadakan adalah pameran, seni kaligrafi, bengkel terrarium, kedai makanan ringan tempatan, 'food truck' dan banyak lagi.

Penganjur turut berbesar hati dengan menaja makanan tradisional India iaitu putu mayam secara percuma serta air batu campur (ABC) yang popular dalam kalangan orang Melayu kepada pengunjung. **WK**



NYANYIAN lagu-lagu klasik turut memeriahkan suasana.



ANTARA penonton yang hadir menyaksikan persembahan Pentas Seni Merdeka di Downtown KL pada Sabtu lalu.



DATUK Seri Jalaluddin Alias hadir merasmikan Pentas Seni Merdeka di Downtown KL Sabtu lalu.



## Downtown KL daerah seni & budaya

**D**OWNTOWN KL diisyiharkan sebagai daerah seni dan budaya bagi meningkatkan ekuiti sosial melalui penganjuran program yang berorientasikan kebudayaan dan kreatif di ibu kota.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata melalui penganjuran Pentas Seni Merdeka dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Think City Sdn Bhd, ia bertujuan mengaktifkan ruang awam dengan pengisian

acara kesenian dan kebudayaan secara percuma.

“Saya berpandangan bahawa, ini adalah pendekatan baharu diantara DBKL dengan Think City untuk memastikan ruang awam digunakan sepenuhnya apatah lagi ketika hujung bulan dan juga hujung minggu dengan aktiviti yang bersesuaian.

“Yang paling penting, penganjuran acara kesenian dan kebudayaan seperti ini, kita dapat lihat pelbagai kaum berhimpun bersama-sama dengan keluarga untuk menghibur dan mengisi

masa lapang,” katanya kepada media selepas merasmikan Pentas Seni Merdeka: KL Cultural Nitez di Jalan Raja, Dataran Merdeka pada Sabtu.

Jelasnya, Program Pentas Seni Merdeka tidak sekadar mempersembahkan adat, seni dan budaya Melayu semata-mata, bahkan ia turut akan diisi dengan persembahan dari pelbagai kaum yang ada dalam negara.

“Tidak mustahil selepas ini, kita mungkin akan libatkan seni di antara negeri-negeri contohnya budaya dari Pantai Timur seperti

Kelantan, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan melalui adat perpatih serta etnik di Sabah dan Sarawak yang pelbagai.

“Ia juga boleh mempertautkan hubungan di antara kaum dan bangsa selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia melalui aktiviti seni dan budaya yang harus diketahui dan dipertontonkan kepada masyarakat kita pada waktunya sekarang,” katanya.

Ujar Jalaluddin, pihak DBKL telah mengenal pasti beberapa

kawasan yang berpotensi dijadikan sebagai tempat tumpuan warga kota berhimpun.

“DBKL akan melihat beberapa perkara untuk melaksanakan beberapa pendekatan bagi membolehkan kawasan tersebut dianik taraf untuk dijadikan sebagai pusat perhimpunan masyarakat khususnya untuk program seperti ini,” katanya. **WK**

## Ronggeng Melayu imbau nostalgia Kuala Lumpur

**P**ENTAS Seni Merdeka hanya memfokus untuk mementaskan Ronggeng Melayu kerana ia merupakan elemen seni budaya yang penting di Kuala Lumpur pada suatu masa dahulu.

Menurut Pengurus Bersekutu Pusat Penyelidikan Seni Persembahan Nusantara (NusPARC), **Hafzan Zannie Hamza**, seni tari itu dilihat ketika populariti pusat-pusat hiburan seperti Great Eastern Limited, Hollywood Park, Fairyland, Bukit Bintang Park yang masyhur di Kuala Lumpur sekitar 1950-an.

“Ia merupakan rentetan kemasyhuran pusat hiburan di Singapura seperti ‘New World’ dan ‘Great World’ yang muncul



**HAFZAN**

lebih awal daripada pusat hiburan di Kuala Lumpur.

“Di pusat sebeginilah ronggeng menjadi hiburan kepada warga kota yang mana ronggeng diselitkan didalamnya. Kerana itulah Ronggeng Melayu menjadi keutamaan Pentas Seni Merdeka selain ianya wajar dijadikan identiti budaya Kuala Lumpur sesuai dengan sejarah lampauanya yang dekat di hati warga kota berbanding tarian-tarian Melayu lain yang amat sinonim dengan etnik dan lokaliti masing-masing,” katanya kepada *Wilayahku* pada Sabtu.

Beliau yang juga pensyarah tarian di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkata terdapat perbezaan yang amat



ketara terutama dari segi format dan bentuk ketiga-tiga jenis tarian permainan Ronggeng Melayu yang dipersembahkan.

“Format pementasan tari Melayu menekankan bentuk tarian berkumpulan koreografi termasuk pola gerak yang *rigid* dan *synchronize* serta pola lantai yang tersusun rapi.

“Pementasan sebegini kebiasaannya telah pun siap

disusun koreografinya sebelum dipentaskan dan penari telah berulang kali berlatih untuk mencapai pementasan yang kemas dan teratur,” katanya.

Jelasnya, ia berbeza pula dengan permainan ronggeng yang bersifat sebaliknya; iaitu menekankan bentuk tarian berpasangan yang ditarikan dengan pola gerak paling asas, tanpa sebarang pola lantai khusus sepertimana terdapat pada bentuk pementasan.

“Ronggeng Melayu tidak memerlukan latihan berulang kali sepertimana pementasan berkumpulan, tetapi hanya sekadar *impromptu* atau spontan menari secara berpasangan tanpa perlu menghiraukan keperluan estetika pentas.

“Sifat permainan ronggeng adalah santai dan bersahaja, serta bermain sesama pasangan ketika menari menggunakan ragam tari yang mampu ditarikan oleh si pemain,” katanya.

Tambahnya, pada asasnya tiga instrumen sudah memadai untuk memainkan lagu Ronggeng Melayu seperti Rebana sebagai pemberi rentak, *accordion* atau biola sebagai pemberi melodi dan suara penyanyi sebagai penyampai lagu dalam bentuk pantun.

“Oleh kerana berlakunya perkembangan zaman, orang Melayu menambah tekstur lagu dengan mengadaptasi alat muzik tambahan seperti rebana kedua, kerincing, gong dan gitar bes,” katanya. **WK**



**RONGGENG** Melayu boleh disertai oleh pelbagai lapisan usia.





**YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) melanjutkan usaha kebaikan membantu pelajar sekolah dengan meneruskan Program Bantuan Khas Persekolahan YWP 2022 di Parlimen Bandar Tun Razak yang disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim diiringi Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zainalnizam Zainun dan Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar.**



**DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah melepaskan 500 orang petugas barisan hadapan yang menyertai Program Kuala Lumpur Car Free Morning (KLCFM) di ibu kota Ahad lalu.**



DEEL ANJER

**S**EKALI dengar, pasti bermain-main dalam fikiran. Iramanya mudah melekat di hati serta mampu membuatkan pendengar bersa gembira.

Itulah penangan lagu Casablanca nyanyian Nuha Bahrin dan Naufal Azrin yang mencetuskan fenomena tersendiri sehingga banyak dijadikan runut buni di TikTok.

Bukan itu sahaja, video muzik lagu gabungan bahasa Arab dan Melayu tersebut



juga berjaya meraih populariti di negara jiran.

Terkini, menerusi perkongsian di TikTok, sebuah portal hiburan seberang menyangka muzik tersebut dinyanyikan oleh artis Indonesia.

La rentetan bait-bait lirik Casablanca kedengaran seperti bahasa ibunda mereka.

"Menurut kalian itu bahasanya kebetulan emang mirip (memang sama) atau gimana (bagaimana) guys?" tulisnya.

Perkongsian itu menerima pelbagai reaksi dalam kalangan netizen di mana ramai tidak berpuas hati dengan tindakan mereka suka 'claim' sesuatu.

Bagi Wilayahku, kadang-kadang terdapat orang kita sendiri tidak yakin dengan kebolehan lagu-lagu tempatan. Lagu Casablanca telah pun membuktikan lagu tempatan tetap hebat.

Terdahulu, nyanyi secara langsung oleh Nuha Bahrin dalam program MeleTOP dikecam oleh warganet kerana dikatakan 'sumbang' dan tidak seindah yang dijangka. **WK**

LAGU Casablanca nyanyian Nuha dan Naufal semakin diminati ramai.



## Status selebriti tak halang Tuah Adzmi kerja kilang

**PENGALAMAN** melalui saat-saat sukar sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 sebelum ini membuatkan penyanyi kacak **Tuah Adzmi** kembali bekerja di kilang.

Tuah atau nama sebenarnya Arumi Nafis Mohd Adzmi, 24, kembali bekerja sebagai pembantu stor di sebuah kilang mencetak Al-Quran meskipun sebelum ini pernah memberitahu sudah meletakkan jawatan kerana mahu memberi fokus kepada kerjaya seni.

"Saya kembali bekerja di kilang tersebut tetapi hanya separuh masa sahaja. Jadi saya boleh ambil cuti pada bila-bila masa jika menerima undangan menyanyi."

"Pengalaman waktu sukar sebelum ini ketika tempoh PKP membuatkan saya lebih berhati-hati. Kita tidak tahu sekiranya masalah kewangan akan terjadi lagi di masa akan datang," katanya.

Tidak meletakkan status sebagai selebriti sebagai penghalang untuk dia bekerja di sebuah kilang, Tuah juga sudah terbiasa bekerja keras mencari rezeki sendiri selepas kematian arwah bapanya ketika dia berusia enam tahun.

"Kenapa perlu malu? Saya buat kerja halal. Malah saya bangga kerana ada

pendapatan yang boleh menampung kehidupan.

"Bagi saya status seorang artis itu tidak penting. Apa yang menjadi keutamaan ialah saya dapat membantu ibu. Kerja ini juga merupakan satu peluang untuk saya meneruskan hidup."

Melihat trend muzik semasa, Tuah mengambil langkah berani untuk tampil dengan sebuah lagu berjudul *Dusta Cinta* yang menonjolkan elemen muzik seperti era 1990-an.

"Biasanya penyanyi lain akan cover lagu-lagu lama, tetapi saya tampil lagu baharu dengan elemen *slow rock* era 1990-an. Saya rakamkan lagu baharu dengan nafas muzik lama."

"Saya membesar dengan lagu-lagu yang popular zaman itu dan semoga karya kali ini dapat diterima baik pendengar," ujarnya lagi.



NAQIU (kiri) bersama ahli kumpulannya.

## Naqiu, Boboy kembali bersatu

**VOKALIS** Boboy iaitu **Naqiu**, 36, tidak terfikir untuk mengikut 'trend' penyanyi masa kini yang merakamkan semula lagu-lagu era 1990-an.

Naqiu atau nama sebenarnya Wan Naqiuddin Mohd Najib berkata Boboy akan tampil dengan karya baharu berjudul *Tetap Bersama* yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.

"Sebenarnya saya pegang kata-kata diucapkan Datuk Ramli MS semasa menyertai Gegar Vaganza dulu supaya hormat dengan karya asal seseorang penyanyi itu jika nak nyanyikannya semula."

"Tak salah pun nak nyanyikan semula lagu itu, tapi jangan melebih-lebih," katanya.

Katanya, walaupun Boboy ada beberapa lagu popular pada awal kemunculan di era 2000 lalu, itu adalah kisah lama.

"Sekarang Boboy pada tahun 2022 ini akan tampil menyanyikan lagu-lagu baharu kami. Untuk lagu lama pula, cukuplah diperdengarkan kepada peminat dalam acara tertentu saja," jelasnya menepaskan pendirian.

Naqiu berkata, menerusi *Tetap Bersama*, ia menjelaskan bahawa Boboy tidak pernah berpecah selama ini, cuma masing-masing terikat dengan kerjaya diceburi, termasuk sudah berkeluarga.

# Waktu sesuai gandakan simpanan emas



AZLAN ZAMBRY

**P**ENYUSUTAN harga emas semasa sehingga ke tahap terendah disebabkan Dollar Amerika Syarikat (AS) mengukuh menyebabkan ramai pelabur beralih untuk memiliki Dollar AS berbanding simpanan emas.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS) Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata situasi itu merupakan kebiasaan apabila pengukuhan Dollar AS dilakukan, nilai emas akan turun kerana emas merupakan pelaburan alternatif kepada AS Dollar.

"Nilai Dollar AS mengukuh kerana ada kemungkinan Federal Reserve akan memperketatkan polisi monetari dengan menaikkan kadar faedah dan tidak lagi berlaku suntikan fiskal," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menjelas lanjut, Ahmed Razman berkata walaupun emas kelihatan lemah pada masa kini pola harga emas sejak tahun 1970-an hingga sekarang

menunjukkan setiap kejatuhan harga emas sentiasa diikuti dengan peningkatan semula.

"Malahan kejatuhan harga emas pada tahun 2013 hingga 2015 menyaksikan peningkatan yang lebih tinggi selepas itu."

"Saya melihat nilai emas mungkin akan mengambil sedikit masa untuk mulai meningkat, kemungkinan awal tahun depan apabila kadar inflasi di AS dapat dikawal melalui beberapa langkah monetari yang diambil oleh Federal Reserve," katanya.

Mengulas mengenai perkara itu, Ahmed Razman, dari segi faktor sejarah, di bawah Perjanjian Bretton Wood pada tahun 1947, mata wang Dollar AS ditambat pada emas dengan kadar 35 Dollar AS bagi setiap ounce emas.

"Apabila tambatan dihapuskan pada tahun 1971, satu ounce emas semasa itu bersamaan dengan 42 Dollar AS.

"Sekarang mata wang AS Dollar tidak lagi ditambat kepada emas menyebabkan satu ounce emas sekarang bersamaan dengan lebih dari 1,700 Dollar AS, bermakna Dollar AS semakin melemah berbanding emas," katanya.

Ditanya adakah Malaysia boleh menjadikan emas sebagai medium perdagangan disebabkan nilai mata wang ringgit yang mengalami penurunan mendadak, Ahmed Razman



PENYUSUTAN nilai emas membuka peluang kepada orang ramai untuk menambahkan pelaburan kerana nilainya akan meningkat awal tahun depan sekiranya kadar inflasi di Amerika Syarikat dapat dikawal.

menjelaskan bahawa ia tidak boleh dilaksanakan berikutan Malaysia bukan negara pengeluar atau penyimpan emas yang banyak menjadikan cadangan itu sukar dilaksanakan.

"Namun dengan adanya teknologi *blockchain* yang boleh mewujudkan mata wang crypto yang disokong oleh kerajaan seperti CBDC (*Central Bank Digital Currency*) iaitu salah satu mata wang daulat (*sovereign money*), ada kemungkinan mata wang CBDC ini ditawarkan di pasaran dan ditambat dengan bakul beberapa komoditi seperti minyak sawit, beras, emas dan juga perak," katanya.

Bagaimanapun Ahmed Razman berkata meskipun nilainya menyusut, emas masih lagi boleh dijadikan sebagai instrumen pelaburan bagi jangka masa panjang meskipun ia mungkin tidak sesuai digunakan sebagai instrumen pertukaran barang atau perniagaan kecil.

"Ia boleh berlaku sekiranya kalau Bank Negara memperkenalkan CBDC yang berupa wang daulat elektronik yang membolehkan perniagaan menggunakan tanpa risau berkaitan risiko penyimpanan komoditi berharga seperti emas itu.

"Ia juga boleh diniagakan

melalui pelbagai denominasi dan tidak tertakluk kepada nilai tertentu seperti 1 Dirham atau 1 Dinar. Wang CBDC ini boleh ditambat dengan emas dan pelbagai komoditi lain," katanya.

Di sebalik risiko kemelesetan ekonomi sejak kebelakangan ini, pelabur telah memilih Dolar berbanding emas sehingga mendorong mata wang itu meningkat dan menghaliskan tarikan untuk jongkok dalam kalangan pembeli luar negara.

Kenaikan kadar faedah sementara itu meningkatkan kos peluang memegang jongkok kerana ia tidak membayar faedah.

"Emas berada di bawah tekanan kerana dolar membuat pergerakan besar dan terdapat jangkaan kenaikan faedah yang agak besar selepas laporan persekutuan (AS baru-baru ini) menyerlahkan pasaran buruh yang kukuh," kata Edward Moya, Penganalisis Kanan Pasaran OANDA, firma penyelidikan pasaran berpengalaman di New York.

"Harga emas boleh menembusi sementara di bawah paras \$1,700 dan kemudian menyaksikan sokongan kukuh sekitar \$1,670," katanya.

Data AS baru-baru ini menunjukkan pasaran buruh dikuasakan ke hadapan dengan keuntungan yang kukuh, dan mencatatkan satu lagi kenaikan kadar kepada 75 mata atas bulan ini. **WK**

## PeTA ASWARA ketengah tradisi seni budaya dalam animasi



HAZIRAH HALIM

**PELAJAR** Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Animasi dan Seni Permainan Digital, Fakulti Animasi dan Multimedia, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menganjurkan program Tayangan Perdana Penilaian Tahun Akhir (PeTA) 2022 dengan mengekalkan tradisi seni budaya dalam setiap tayangan animasinya.

Sesi itu diadakan melalui tayangan filem sebanyak lapan video berbentuk animasi dan permainan digital bertempat di mini pawagam, bangunan Lokakarya, ASWARA pada Selasa lalu.

Dekan Fakulti Animasi dan Multimedia, **Muhammad Rasfan Abu Bakar** berkata ia diadakan bagi menilai projek akhir pelajar sebelum mereka melanjutkan semester akhir latihan industri

(praktikal) di mana-mana syarikat animasi atau permainan digital yang dipilih.

"Kebanyakan video yang dihasilkan pelajar adalah daripada sumber idea mereka sendiri dan ada sebahagiannya diadaptasi daripada kisah-kisah zaman dahulu kala antaranya Si Tanggang, Puteri dan banyak lagi lalu ia diceritakan dalam bentuk animasi digital.

"Persiapan video ini dilakukan ketika pelajar sedang menghadapi proses pembelajaran dari rumah susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu dan *Alhamdulillah* walaupun banyak cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi pelajar terutama kesukaran berhubung dengan rakan sekumpulan, internet serta masalah teknikal tetapi saya lihat pelajar dapat menempuh dengan jayanya," katanya kepada *Wilayahku* selepas sesi Tayangan Video Penilaian Tahun Akhir (PeTA) 2022 di Kampus ASWARA pada Selasa.

Beliau turut berkongsi mengenai beberapa perancangan

untuk memperluaskan aktiviti fakulti dengan memberi tumpuan kepada program digital dan *virtual reality* yang melibatkan permainan game seperti *e-sport* yang melibatkan penyertaan orang luar dan akan dilaksanakan pada bulan Ogos ini.

"Kami juga sedang merancang beberapa program iaitu *augmented reality* (AR), dokumentari pendek mengenai pelukis-pelukis komik termasuk program-program lain yang akan dianjurkan dalam masa terdekat adalah *48 hours (online) Folklore Game Jam* yang dibuka kepada *Game Designer*, *Game Artist*, *Animators*, *interactive storyteller* untuk menyertai acara ini.

"Ia akan berlangsung secara online di Zoom dan Discord pada 29 hingga 30 Julai ini serta turut akan mengadakan ASWARA Animation Competition 2022 bertemakan *Culture and Heritage* pada 1 April sehingga 14 Oktober ini," katanya.

Tambahnya, pembelajaran game mempunyai masa depan kerana tidak melibatkan penggunaan bahasa dan jalan cerita seperti

filem animasi sebaliknya mereka hanya perlu bermain dan berfikir mengenai strategi.

Rasfan berkata pada masa kini, ramai yang masih beranggapan bahawa permainan game tidak membawa sebarang faedah serta tiada jaminan kerjaya pada masa hadapan.

"Kita tidak boleh terlepas dengan stigma masyarakat yang masih beranggapan bahawa game ini memberi kesan buruk kepada seseorang tetapi sebenarnya di Malaysia sudah ada professional gamers, boleh menjadi pendapatan menerusi sukan *e-sport* dan nilai perbezaan bagi sesebuah game jika dibandingkan

dengan animasi adalah empat kali ganda," jelasnya.

Sementara itu, Rasfan berharap agar Fakulti Animasi dan Multimedia, ASWARA akan dikenali dan mempunyai ramai pelajar memandangkan ia juga mempunyai aktiviti dan pembelajaran kokurikulum setanding fakulti lain. **WK**



SALAH seorang pelajar melihat karya animasi yang dihasilkan.

# Baucar makanan Keluarga Malaysia untuk B40



NUR HIDAYAH  
SALAM HUSSAIN

**S**EPERTI kita tahu wujudnya konsep Keluarga Malaysia adalah untuk menyeroni rakyat Malaysia mengetepikan perbezaan dalam memulihkan semula negara bagi menggembungkan tenaga dalam cabaran mendepani pandemik COVID-19 dan merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Konsep Keluarga Malaysia mula diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-9, Ismail Sabri Yaakob pada 22 Ogos 2021.

Menurut beliau, dalam konteks negara Malaysia yang kita diami ini, terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, kaum dan usia. Walaupun kita semua berbeza kepercayaan, latar belakang dan budaya, kita tetap akan meraikan keterangkuman atau 'inclusivity' dalam perbezaan, menjunjung semangat Malaysia sebagai sebuah negara bangsa. Antara teras utama Keluarga Malaysia ialah Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesukuran.

Visi Keluarga Malaysia ialah memulihkan negara, mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi yang bermatlamat sebagai aspirasi jangka panjang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai visi itu berlandaskan 'Keberhasilan Kebahagiaan'.

Selaras dengan situasi semasa,

**Harga makanan menjadi kebiasaan sebagai status turun naik di pasaran. Majoriti orang percaya fakta ini. Malah, pasaran perlu menaikkan dan menurunkan harga bagi mengatasi masalah lebihan dan kekurangan produk. Apabila lambakan berlaku, syarikat hanya boleh menjual produk mereka pada harga rendah untuk menyengkirkan lebihan stok.**

ia turut menggariskan hala tuju strategik iaitu rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan berganding bahu memulihkan negara daripada impak-impak negatif akibat COVID-19.

Turut dikongsi bidang tujuan utama yang merangkumi menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan Keluarga Malaysia, mengetepikan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan, memulih semula dan merapatkan jurang ekonomi.

Walau bagaimanapun, isu harga barang yang tinggi menjadi perhatian besar kebelakangan ini. Ia berada pada tahap yang sangat membimbangkan. Selain itu, harga semua barang keperluan meningkat sebanyak 60 peratus pada bulan Jun lepas berikutan kerakusan peniaga dan kartel mengambil kesempatan daripada situasi dunia semasa.

Rakyat Malaysia menyedari kenaikan harga sejak Ramadan, apabila harga barang keperluan penting seperti daging, ayam dan sayur-sayuran melonjak. Jika harga barang makanan mentah terus

meningkat, ini boleh menyebabkan peningkatan dalam industri makanan dan minuman.

Persoalannya, Perdana Menteri sudah merasmikan Keluarga Malaysia pada umum namun kenapa harga barang naik?

Apa yang boleh kita lihat dengan persekitaran, bahwasanya wang RM50 tidak cukup untuk membeli barang dapur. Minyak masak pun sudah mencecah RM40. Tidak dinafikan ada keluarga yang mendapat bantuan kewangan dari kerajaan dengan konsep Keluarga Malaysia tersebut namun adakah ia cukup? Bayangkan keluarga B40 mempunyai lima anak, perbelanjaan dapur dengan RM50 sahaja. Itu baru kos mengisi perut anak-anak di rumah. Belum disenaraikan perbelanjaan sekolah harian anak-anak, apatah lagi kos gas, tol, bil elektrik, bil air, bayaran kenderaan bulanan, serta kos sewa rumah, dan sebagainya.

Harga makanan menjadi kebiasaan sebagai status turun naik di pasaran. Majoriti orang percaya fakta ini. Malah, pasaran perlu menaikkan dan menurunkan harga

bagi mengatasi masalah lebihan dan kekurangan produk. Apabila lambakan berlaku, syarikat hanya boleh menjual produk mereka pada harga rendah untuk menyengkirkan lebihan stok.

Sebaliknya, apabila pasaran tinggi, harga tinggi, dan syarikat mempunyai lebih banyak produk untuk dijual. Apabila harga meningkat melebihi paras 'biasa', atau meningkat 'berlebihan', ini boleh menjadi sukar untuk diterima oleh pengguna. Ini terutama berlaku bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kebimbangan mereka adalah wajar.

Kenaikan harga barang juga sangat dipengaruhi oleh kenaikan kos bahan mentah yang digunakan dalam pengeluaran barang tersebut. Kos input ini termasuk kos barang daripada pengimport dan kos lain, yang juga meningkat disebabkan oleh peningkatan kadar pertukaran asing dan kenaikan harga barang daripada pengimport. Kebergantungan negara kepada bekalan makanan dari luar membawa kepada hakikat bahawa sebarang perubahan harga import menjelaskan harga makanan dalam negara.

## APA TINDAKAN KERAJAAN SEPATUTNYA?

KERAJAAN boleh menyediakan baucar makanan kepada kumpulan B40 untuk membantu mereka membeli barang makanan. Ini akan membantu mengawal harga dan memastikan semua orang

mempunyai akses kepada makanan. Subsidi ini harus bertahan tidak lebih daripada tiga bulan, bermakna tempoh di mana keadaan pasaran dijangka bertambah baik. Ini lebih baik daripada bantuan tunai, yang menjamin bahwa subsidi diberikan kepada barang makanan.

Malaysia adalah sebuah negara aman dan terbuka yang membenarkan perdagangan bebas. Ia perlu berkembang lebih jauh untuk menjadi sebuah negara maju, dan berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan agar dihormati dan disanjung oleh dunia.

Tambahan pula, kita harus akui bahawa kerajaan hari ini adalah kerajaan yang akan memberikan bantuan sama ada dari segi material atau membantu dalam memupuk semangat perpaduan dengan menarik nafas.

Malah, menurut Perdana Menteri Ismail Sabri hari ini, kerajaan akan terus fokus secara konsisten terhadap program dan inisiatif yang menyokong seluruh Tanah Melayu membawa kemakmuran dan manfaat kepada sesebuah keluarga. Ini dilakukan untuk memastikan tiada yang tertinggal dan menangani isu kos sara hidup yang semakin meningkat.

Tanggungjawab ini jatuh kepada rakyat dan pemimpin mereka yang amanah dan berintegriti.

**Penulis merupakan pelajar  
Fakulti Komunikasi dan Pengajian  
Media UiTM Shah Alam.**

## Diari Siswa UiTM minggu akhir di kampus



AHMAD ISLAH LOT

**SINONIM** dengan minggu-minggu akhir sesi pembelajaran dan pengajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM), mahasiswa serta mahasiswi terlihat sibuk dalam menyediakan persiapan untuk perjuangan minggu akhir mereka di kampus.

Para mahasiswa kini bakal berhadapan dengan peperiksaan akhir dan juga penilaian akhir bagi setiap kursus yang mereka ceburi. Setelah 14 minggu berada di kampus dan akhirnya, minggu yang mendebarkan telah pun tiba.

Semester kali ini merupakan semester yang agak unik dan berbeza sebelumnya wabak COVID-19 yang banyak mengubah cara hidup masyarakat di Malaysia. Setelah melakukan pembelajaran secara atas talian buat tempoh dua tahun lamanya, mahasiswa di UiTM Kampus Bandaraya Melaka akhirnya pulang ke kampus.

Segelintir mahasiswa terlihat kekok dalam melaksanakan tugas berkumpulan secara

bersemuka, menghadiri kelas serta berkunjung ke kafe. Aktiviti-aktiviti yang selama ini dilakukan di rumah, lebih terperinci lagi di dalam bilik tidur kini dilakukan di dunia nyata.

Setiap minggu pembelajaran di universiti, setiap mahasiswa akan diberikan tugas atau 'assignment' yang sudah pasti menjadi suatu kelaziman dalam tentatif harian mereka. Keluar-masuk ke bilik pensyarahan juga merupakan perkara yang kerap bagi para mahasiswa bagi berbincang tentang permasalahan pembelajaran mereka setelah selama ini hanya berhubung melalui aplikasi telefon pintar mudah alih seperti 'Whatsapp'.

Aktiviti seperti rombongan sambil belajar, latihan padang juga tetap diteruskan seperti yang dilakukan sejak sebelum pandemik COVID-19. Sebagai contoh, mahasiswa dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan

(Pemasaran) semester 5 telah menyertai rombongan ke Bukit Senggeh, Selendar, Melaka pada 6 Julai.

Rombongan bertujuan bagi membantu dan membimbing peniaga-peniaga kecil dalam memajukan perniagaan mereka dan merupakan salah satu aktiviti pemarkahan keseluruhan mereka pada semester ini.

Selain itu juga, tugas kepada para mahasiswa menuntut di UiTM seperti kuiz mahupun ujian juga adalah warna-warni yang menghiasi kehidupan di kampus. Perpustakaan dan bilik belajar juga dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar UiTM Kampus Bandaraya Melaka.

Intinya, persiapan awal perlu dilakukan agar keputusan yang diperoleh mahasiswa

berakhir dengan cemerlang dengan gemilang.

Ramai pelajar yang tidak tidur malam dan bersengkang mata bagi membereskan tugas-tugas akhir mereka.

Mahasiswa dan mahasiswi juga diharapkan dapat memberikan fokus menyeluruh dan pada masa sama, menjaga kesihatan serta mendapatkan waktu tidur yang cukup.



**PELAJAR Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) semester 5 mengadakan rombongan ke Bukit Senggeh, Melaka baru-baru ini.**



DR KASSIM THUKIMAN

**S**EJARAH orang Melayu memang menarik tetapi penuh ranjau dan berliku. Sejarah tamadun orang Melayu khususnya di Tanah Melayu menunjukkan bangsa ini mampu mencipta sistem pemerintahan dapat memayungi rakyat. Mereka menguasai kegiatan perdagangan antarabangsa.

Kejatuhan Melaka pada 1511 menyaksikan ia antara bibit awal bermulanya perpecahan Melayu. Ia diikuti dengan siri pengkhianatan dalam kalangan pemimpin yang sanggup berkompromi dengan penjajah.

Dalam pada itu, golongan ulama dan cendekiawan Melayu antara kumpulan yang sentiasa bangkit menyeru supaya mengukuhkan perpaduan orang Melayu dengan bertunjangkan ajaran Islam.

Orang Melayu juga dididik tidak pernah berhasad dengan kejayaan orang lain, sanggup belajar daripada pengalaman peradaban Arab, India dan Cina yang masuk ke Nusantara lalu disesuaikan dengan nilai kehidupan mereka.

Boleh dikatakan pemikiran aparteid yang menafikan hak bangsa lain tidak ada dalam kamus kehidupan orang Melayu. Hakikatnya, ketika negara dijajah kuasa asing, pahlawan Melayu sering berada pada barisan hadapan. Mereka tidak sanggup peradaban bangsa dinodai kerakusan penjajah.

Ketika negara menuju proses kemerdekaan, perpaduan Melayu menunjang kesepadan politik dalam kalangan pelbagai bangsa yang wujud di Tanah Melayu.

Walaupun orang Melayu berhak menuntut pelbagai perkara dengan kuasa majoriti, namun orang Melayu dididik supaya bertolak ansur demi mewujudkan kestabilan serta keharmonian berterusan di negara ini.

Ini kerana agama Islam banyak memberi kefahaman penting dalam kehidupan orang Melayu. Mereka percaya kejadian manusia berbangsa-bangsa bukan untuk bermusuhan, sebaliknya patut bersama-sama demi kebaikan.

Justeru, ciri Malaysia yang unik iaitu masyarakat majmuk ditunjang perpaduan majoriti Melayu dan Islam memberikan limpahan rahmat kepada rakyat negara ini sehingga tercetusnya agenda Keluarga Malaysia.

Sejarah membuktikan orang Melayu tidak menghalang bangsa lain menjalankan kegiatan ekonomi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Malah, orang Melayu sanggup berkongsi negara, satu pengorbanan sangat tinggi dilakukan bangsa merdeka ini.

Kepimpinan negara diterajui sistem beraja dan sistem demokrasi sentiasa melontarkan kata-kata keramat perpaduan dan muafakat

# Contohhi agenda pembangunan dan perpaduan nasional Tun Razak



**SUPAYA** segala rancangan pembangunan luar bandar berjalan dengan lancar, Tun Abdul Razak selalu melawat kawasan luar bandar.

bagi kelangsungan bangsa dan negara.

Mereka perlu bangkit membawa agenda pembangunan berkepentingan Melayu-Islam, seperti digagaskan Za'ba, Burhanuddin Helmi dan Zulkifli Mohamad. Begitu ramai teknokrat Melayu masa kini mencapai kejayaan gemilang hasil daripada peranan pusat pengajian tinggi negara.

Pemimpin hari ini sepaututnya mempelajari ketekunan, kesungguhan dan kewibawaan Allahyarham Tun Abdul Razak untuk membawa agenda pembangunan negara di samping mengukuhkan kerjasama dalam kalangan rakyat bagi mewujudkan perpaduan nasional.

Beliau mengajak seluruh parti politik mengurangkan politik, sebaliknya menumpukan segala usaha demi kesejahteraan rakyat. Beliau memerintah tidak sampai enam tahun. Itupun bermula dengan negara kucar-kacir akibat tragedi 13 Mei 1969.

Namun, kepimpinannya begitu terserah. Pemimpin seperti Tun Razak adalah tokoh yang kita dambakan untuk mengembalikan kegemilangan negara.

Dalam hal ini, orang Melayu perlu diingatkan untuk kekal bersatu kerana dengan kuasa majoriti bangsa ini, ia mampu menyumbang kepada kestabilan politik, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi.

Orang Melayu juga tidak sepaututnya jumud dengan pemikiran 'Ketuanan Melayu', sebaliknya perlu mengisi agenda kemerdekaan berdasarkan Perlembagaan, Perlembagaan Negeri dan Rukun Negara.

Agenda perpaduan Melayu sepaututnya memperkasa pembangunan orang Melayu dalam segala bidang, sanggup bersaing dengan bangsa lain dan tidak terikat dengan Perkara 153 Perlembagaan.

Perpaduan Melayu amat penting kerana ia berkaitan dengan ketaatan kepada pemerintahan berdasarkan sistem Raja Berperlembagaan. Di samping itu, orang Melayu mesti bersungguh-sungguh untuk memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan.

Sejarah menyaksikan orang Melayu terikat dengan ajaran Islam dan ia sangat mantap sehingga Islam menjadi sebahagian daripada cara hidup dalam budaya Melayu.

Namun, kerapuhan orang Melayu semakin ketara apabila kehidupannya semakin jauh daripada nur Islam. Gelombang globalisasi melanda dunia ketika ini dilihat antara faktor terhakinya peradaban Melayu.

Lebih membimbangkan, kerakusan dalam politik dan kepartian menjadikan pemimpin Melayu seperti hilang pedoman dalam mentadbir dan menguruskan kerajaan.

Perpecahan dan perbalahan dalam kalangan pemimpin politik Melayu seperti sudah tidak terkawal. Perbalahan antara pemimpin Melayu seperti sudah menjadi normal dan tiada lagi perasaan malu untuk bercakaran.

Pada masa sama, kehidupan rakyat semakin terhimpit akibat kenaikan kos sara hidup, penangan COVID-19 dan krisis global seperti kekurangan bekalan makanan dan tekanan ekonomi global.

Namun, pemimpin Melayu dilihat terus rakus memikirkan

**“Pemimpin hari ini sepaututnya mempelajari ketekunan, kesungguhan dan kewibawaan Allahyarham Tun Abdul Razak untuk membawa agenda pembangunan negara di samping mengukuhkan kerjasama dalam kalangan rakyat bagi mewujudkan perpaduan nasional.”**

supaya berhenti berbalah dan menumpukan segala usaha dan ikhtiar demi mensejahteraan rakyat dan memakmurkan negara.

Justeru, pemimpin politik Melayu perlu melaksanakan amanah dan menegakkan keadilan demi kepentingan rakyat terjejas. Hakikatnya masih ada rakyat Malaysia terpinggir dan malang yang masih memerlukan bantuan dan pertolongan kerajaan.

Perpaduan Melayu amat penting dalam menjayakan pembangunan negara bangsa. Kekuatan Melayu-Islam menjadi tunjang yang akan mencorakkan citra negara-bangsa pada masa depan. Marilah kita sama-sama mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara sampai bila-bila.

**Penulis merupakan Profesor Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).**





# Karyabhara The Lanai, tawar lokasi dan menu hebat



AINI MAWAWI

**P**ENDUDUK di Putrajaya dan kawasan sekitar yang ingin menganjurkan majlis keramaian seperti perkahwinan, korporat, hari lahir, akikah, majlis perpisahan, perayaan dan sebagainya tidak perlu risau tentang lokasi dengan adanya Karyabhara The Lanai.

Kebiasaannya sebelum ini, ramai yang perlu menempah dan menanti berbulan-bulan lamanya untuk menganjurkan majlis, kini lokasi bukanlah menjadi masalah utama untuk majlis penting anda.

Merupakan salah satu produk di bawah kafe Karyabhara yang terkenal dengan tema 'hipster', The Lanai yang terletak di Tingkat 1, Menara Perkeso Putrajaya merupakan cawangan keempat setelah pembukaan kafe ketiga di bangunan yang sama pada Mei lalu.

Menurut pemiliknya, **Jumaitul Laily Zakiah**, 32, perbezaannya kali ini mereka melangkah maju setapak ke hadapan dengan mewujudkan ruangan yang selesa untuk menempatkan tetamu dalam skala yang besar sehingga 450 orang.

"Alhamdulillah tak sampai dua bulan kami dapat membuka ruang ini setelah berjaya menambah

cawangan kafe pada hujung Mei lalu. Diharapkan dengan adanya Karyabhara The Lanai pelanggan tidak perlu risau lagi tentang lokasi untuk mengadakan sebarang majlis," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, mereka turut berkolaborasi dengan beberapa pihak untuk memastikan sebarang acara majlis yang diadakan dapat berjalan dengan lancar sekali gus memuaskan hati pelanggan.

"Jika pelanggan memilih untuk menganjurkan majlis seperti perkahwinan dan sebagainya, kita juga turut menyediakan pakej seperti pelamin, dekorasi, kelengkapan sistem bunyi, persembahan muzik dan lain-lain mengikut bajet dan masa pelanggan.

"Mereka juga tidak perlu risau kerana pelbagai kemudahan terdapat di sini antaranya tempat letak kenderaan, surau, eskalator serta tandas di setiap penjuru bahagian lokasi ini," ujarnya yang turut mengakui tempahan agak memberangsangkan sejak dibuka pada 4 Julai lalu.

Menariknya lagi, selain daripada menawarkan lokasi majlis, pelanggan sekitar Putrajaya juga boleh mengunjungi Karyabhara The Lanai untuk menikmati bufet istimewa yang menghimpunkan lebih 20 jenis hidangan.

Antaranya masakan tradisional, barat selain aneka air, kuih-muih dan pencuci mulut yang boleh didapati dengan harga promosi RM25 sahaja.

"Dengan harga serendah RM25 sesuai dengan promosi terkini kami iaitu Fair-Price Lunch Buffet yang mana pelanggan dapat menikmati menu yang lazat persis hotel dalam suasana eksklusif," ujarnya.

## BANTU WANITA MUDA

**BERCERITA** lanjut tentang perniagaannya, Maitul yang juga merupakan Ketua Puteri UMNO Bahagian Putrajaya berkata salah satu objektif pembukaan Karyabhara The Lanai adalah untuk membantu lebih ramai wanita muda yang memerlukan pekerjaan sampingan.

"Kita cuba membantu lebih ramai wanita yang meminati bidang pemakanan seperti ibu tunggal, wanita golongan B40 dan sebagainya dengan memberi peluang kepada mereka untuk bergelar usahawan selain bekerja di bawah payung Karyabhara sendiri.

"Bukan itu sahaja, kita juga turut membuka ruang untuk mereka yang minat memasak atau membuat air dengan menghantar produk makanan kepada kita

untuk disumbangkan ke dalam menu bufet dan juga kafe.

"Dengan cara sebegitu kita dapat bantu untuk kelangsungan hidup mereka selain dalam masa yang sama kita juga mempunyai dua orang cef profesional yang bertanggungjawab untuk mengawal kualiti makanan," ujarnya yang mempunyai 30 pekerja di keempat-empat cawangan.

Maitul juga dalam proses perbincangan untuk mewujudkan pusat latihan yang akan melatih anak-anak muda dalam bidang kulinari selain bekerjasama dengan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vakasional (TVET).

WK



JUMAITUL

## Info Karyabhara The Lanai

Alamat: Tingkat 1, Menara Perkeso, Presint 2, 62000, Putrajaya

Masa: Setiap hari Isnin hingga Jumaat (11.30 pagi hingga 3 petang)

Laman sosial: **Instagram & Facebook: @ karyabhara**

No Tel: **016-231 2036** (Kafe Shaftsbury/Perkeso) / **016-454 3341** (Kafe Karyabhara The Lanai)



RUANG yang selesa untuk sesi perjumpaan.



MAMPU menempatkan sehingga 450 orang tetamu.

Semua restoran diminta bantu kempen kerajaan

# Promosi Ikan Air Tawar di Labuan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**S**EMUA sektor rantaian penyajian dan penjualan iaitu restoran, gerai dan pelbagai medium perlu membantu pihak kerajaan mempromosikan pemakanan bermenukan ikan air tawar di Pulau Bebas Cukai itu.

Ahli Dewan Negara, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata tidak boleh nafikan bahawa ianya adalah satu cabaran yang besar kerana Pulau Labuan dikelilingi oleh laut dan secara tradisinya ikan air masih menjadi menu utama.

Katanya, cabaran itu tidak mustahil untuk dilakukan jika semua pihak berusaha untuk mempromosikan dan menjadikan ikan air tawar sebagai daripada menu utama di pulau ini.



BASHIR ketika berucap ketika merasmikan Program Jelajah Perikanan "Jok Makan Ikan Air Tawar".

"Saya juga berharap dan berdoa, mudah-mudahan satu hari nanti kita juga akan mempunyai produk-produk IAT berdasarkan ikan air tawar yang dijual secara meluas di Labuan seperti ikan perkasam, ikan liming, filet dan ikan

masin berdasarkan spesies ikan air tawar," katanya pada Program Jelajah Perikanan "Jom Makan Air Tawar" Bagi Wilayah Persekutuan Labuan di sini, pada Sabtu lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Labuan Faizal



BASHIR mengambil peluang merasai masakan ikan air tawar yang disediakan oleh para pengusaha pada Program Jelajah Perikanan "Jok Makan Ikan Air Tawar" di sini, pada Sabtu lalu.

Ibrahim Suhaili berkata pengajuhan program itu mampu membantu para pengusaha dan peniaga dalam meningkatkan pendapatan serta permintaan terhadap ikan air tawar.

"Kita menasarkan pengeluaran

sebanyak lima tan metrik setahun sehingga 2030.

"Terdapat lebih 20 pengusaha ternakan alkuakultur ikan air tawar yang telah pun berjaya melakukan jualan yang menggalakkan," katanya. **WK**

## PL salur sumbangan kepada 21 keluarga

**S**EBANYAK 21 buah keluarga yang terkesan susulan kejadian angin kencang baru-baru ini bakal dibantu menerusi sumbangan ehsan Perbadanan Labuan secara berperingkat.

Pengerusinya, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata kesemua sumbangan yang bakal disalurkan itu membabitkan peruntukan sebanyak RM21,000.

"Sumbangan wang ehsan akan disalurkan kepada mereka secara berperingkat susulan kejadian angin kencang yang berlaku

baru-baru ini yang telah mengakibatkan rumah kediaman mereka musnah.

"Bagi pihak PL, kita amat prihatin kepada keluarga yang terkesan susulan kejadian itu. Maka sumbangan ini akan disalurkan kepada mereka agar dapat meringankan bebanan mereka untuk membaik pulih rumah mereka yang rosak," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan itu

meneliti semula kerosakan harta benda awam yang dialami susulan kejadian angin kencang.

Katanya, penelitian akan dibuat oleh pengurusan tertinggi PL bagi mengenal pasti kerosakan yang terlibat untuk dibawa pihak Kementerian Wilayah Persekutuan untuk permohonan peruntukan membaik pulih kerosakan harta benda awam tersebut.

"Saya yakin pihak kerajaan akan memberikan perhatian sewajarnya kepada warga Labuan susulan kejadian bencana ini," katanya. **WK**



BASHIR (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan wang ehsan kepada salah seorang mangsa angin kencang di Kampung Layang-Layangan, baru-baru ini.

## SMK Rancha-Rancha Naib Johan Anugerah Pusat Sumber Peringkat Kebangsaan

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Rancha-Rancha mencipta sejarah untuk Jabatan Pendidikan Labuan atas kejayaan muncul Naib Johan Pertandingan Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan 2021 sempena Majlis Digital Utilisation and Technology Awards 2021 (DUTA) yang diadakan di Bukit Kiara, baru-baru ini.

Dengan kejayaan itu, SMK Rancha-Rancha membawa pulang hadiah wang tunai RM3,500 dan trofi.

Program anjuran Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan BSTP Kementerian Pendidikan Malaysia itu telah dirasmikan oleh Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin.

Johan bagi pertandingan itu

dimenangi oleh SMK Agama Miri Sarawak, naib johan SMK Rancha-Rancha, ketiga SMK Batu Rakit Terengganu, keempat SMK Tawau Sabah dan kelima SMK Tunku Mahmood Iskandar Johor.

Sebanyak 13 buah sekolah yang mewakili setiap negeri menyertai pertandingan itu yang turut menyaksikan SMK Rancha-Rancha melayakkan diri sebagai lima sekolah terbaik.

Anugerah Pusat Sumber Sekolah merupakan pengiktiran dan penghargaan khususnya kepada Guru Perpustakaan dan Media atas kecemerlangan melaksanakan pengurusan PSS dengan memberi penekanan kepada pendidikan digital.

Pemberian pengiktiran dalam bentuk anugerah kecemerlangan ini merupakan satu manifestasi keprihatinan KPM



PENGETUA SMK Rancha-Rancha, Wan Azman (kiri) dan Sapri (empat kanan) bersama mantan Pengarah JPN Labuan, Raisin Saidin (tiga kiri) dan Ketua Penolong Pengarah SSTP Labuan, Awang Marten Datuk Haji Abdul Rahman (dua kiri) serta Pengawai SSTP Labuan.

dan kerajaan dalam menyokong kualiti pengajaran dan pembelajaran, kemenjadian guru serta


menurut Pengetua SMK Rancha-Rancha, Ustaz Wan Azman Wan Awang menzahirkan rasa syukur atas kejayaan yang dicapai.

"Alhamdulillah, semoga kejayaan yang dicapai akan menguatkan semangat sekolah ini untuk terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa depan" katanya.

Beliau berkata pembangunan bakat dan modal insan dalam ekonomi digital memerlukan persiapan generasi murid kalis masa hadapan yang fasih digital dan berupaya menghadapi apa jua cabaran di era teknologi disruptif.

"Budaya inovasi dalam kalangan murid perlu dipupuk agar mereka bersedia untuk mendepani perubahan sejarah perkembangan teknologi global," katanya. **WK**

## PERADUAN MEWARNA PM174



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

### CARA MENYERTAI:


1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM174".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **23 JULAI 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 176.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

## TEKA SILANG KATA SK174



### MELINTANG

1. Kebangsaan
6. Anggota/pakar
7. Sejenis kuih
8. Kilometer (singkatan)
9. Pedang pendek
12. Aluminium (singkatan)
13. Suasana/perasaan
14. Waktu/ketika
15. Harta benda

### KE BAWAH

1. Petikan kitab suci
2. Lautan
3. Mendodoi
4. Suci/tanpa noda
5. Dimakan senjata
9. Buka
10. Keturunan
11. Sejenis tumbuhan/jahur

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

### CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK174".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **23 JULAI 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 176**.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

## BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

## KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 172

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM172 daripada akhbar Wilayahku Edisi 172:

NUR HUSNATUL JANNAH NAINA MUSA  
(10 tahun)  
Presint 17, Putrajaya

DANISH HAIQAL ZAINUDDIN  
(12 tahun)  
Shah Alam, Selangor

NOR EMMALEEN MOHD SAIFUL  
(9 tahun)  
Wangsa Maju, Kuala Lumpur



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK172 daripada akhbar Wilayahku Edisi 172:

SITI ZULAIKHA ABDUL RAHIM  
(28 tahun)  
Bangsar, Kuala Lumpur

AHMAD DAUD ABD MANAN  
(43 tahun)  
Presint 9, Putrajaya

NURUL ADILLA SUHAIMI  
(35 tahun)  
Selayang, Selangor



# Berniaga sambil bersedekah, nasi beriani RM10



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN  
AINI MAWAWI

**D**ALAM rezeki kita ada rezeki orang lain", itu kata-kata yang dipegang oleh peniaga nasi beriani gam, **Mohammad Karsim Mustafa**, 52, yang berniaga di gerai Kasim Mai Rasa, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.

Hanya mengenakan harga serendah RM10 untuk sebungkus nasi beriani kambing dan RM9 untuk nasi beriani ayam, ramai yang beranggapan ia terlalu murah dan sukar untuk mencari harga sebegin pada hari ini.

Namun bagi Karsim yang sudah lebih 10 tahun berniaga di tapak gerai tersebut, bukan keuntungan yang dikehjahan olehnya dan isteri, **Aminah Ibrahim**, 54, tetapi keberkatan agar kehidupannya sentiasa dalam kecukupan.

"Selama ini saya jual dengan harga RM10, itu paling mahal dan saya dah untung pun. Dengan harga jualan itu jugalah saya mampu sara keluarga, jadi saya rasa tak apalahkekalkan harga macam itu supaya orang yang susah pun dapat makan nasi beriani."

"Kalau saya jual mahal memang untung banyak tapi kasihan dekat orang yang tak mampu, mereka cuma dapat lalu dan cium bau nasi beriani sahaja," ujar bapa kepada empat orang cahaya mata ini.

Tambahnya lagi, pekerjaannya sebagai peniaga 365 hari setahun tanpa cuti membuatkan dia terfikir untuk mencari satu jalan bagi memanfaatkan rezeki yang diperolehnya secara konsisten.

"Saya berniaga setiap hari, bangun pagi masak, kemudian buka gerai dari pukul 11 pagi dan tutup paling lewat pukul 3.30 petang. Jadi saya bimbang jika saya terlepas pandang untuk bersedekah. Bagi saya dengan harga murah inilah jalan yang paling mudah," ujarnya lagi.

Biarpun dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil yang mana harga bahan mentah meningkat seperti ayam dan sebagainya, namun Karsim tetap memilih untuk tidak menaikkan harga nasi beriani yang dijual.

"Harga barang basah naik, untung tetap ada tetapi kurang sedikit daripada dulu tetapi itu bukan masalah utama. Lagipun kebanyakan yang datang membeli adalah pelanggan tetap," ujarnya yang turut mengambil tempahan katering.

Setiap hari, Karsim dan isteri akan membawa dua buah periuk besar yang mana satu untuk nasi beriani kambing dan satu lagi untuk nasi beriani ayam. Setiap periuk tersebut mampu menghasilkan 70 bungkus nasi beriani.

"Saya ada satu lagi gerai di kawasan Seri Kembangan tetapi anak yang jaga. Di sini saya dan isteri yang jaga. Kami berniaga tak lama sebab kadang-kadang tak sampai tiga jam nasi dah habis," ujarnya.

Mungkin ramai yang menyangka, berniaga di gerai tepi jalan dengan sekaki payung, mereka hanya mampu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang namun Karsim berjaya membuktikan sebaliknya.

Setiap bulan anggaran pendapatan kasar yang diperolehnya mencapai ribuan ringgit sekali gus membuktikan perniagaannya itu menghasilkan untung yang lumayan dan jauh meninggalkan mereka yang 'makan gaji'.

"Alhamdulillah, kita perlu percaya kepada rezeki. Usaha dan tawakal kepada Allah. Tak ada kerja yang mudah. Berhujan panas setiap hari tetapi itu dah jadi kebiasaan bagi peniaga gerai seperti saya," ujarnya.

Ditanya tentang perancangan pada masa hadapan sama ada ingin membuka restoran atau sebagainya namun peniaga yang berasal dari India ini mengakui lebih selesa berniaga di bawah payung sahaja.

"Saya pernah membuka tiga buah restoran sebelum ini namun banyak



MOHAMAD KARSIM sedang menyiapkan tempahan pelanggan sambil dibantu oleh isterinya, Aminah.

masalah yang muncul terutamanya dari segi pekerja. Susah nak dapat pekerja lebih-lebih lagi masa kini. Jadi setakat ini tak mungkin buka restoran," ujarnya.

## NASI BERIANI RASA SEPERTI DI ARAB

BERCERITA tentang pengalaman ketika mula-mula berjinak dalam masakan nasi beriani gam, Karsim


berkata hampir 30 tahun lalu dia mempelajarinya daripada seorang kenalan yang berasal dari negara Arab.

"Waktu itu hampir satu tahun juga saya belajar buat nasi ni sampailah kawan-kawan kata sedap baru saya berani jual. Rempah-ratus pun saya buat sendiri bukan beli dari luar. Itulah keistimewaan nasi beriani gam ini," ujarnya.

Berkongsi kenangan yang

manis sepanjang berniaga, Karsim berkata pelanggannya yang pergi menunaikan haji pernah mengakui rasa nasi beriani yang dijualnya sama dengan rasa nasi beriani di Arab.

"Saya cuma mahu beri yang terbaik untuk pelanggan. Kalau mereka suka sudah pasti mereka akan datang kembali. Paling penting dalam menghasilkan makanan kita perlu jual apa yang kita rasa sedap," katanya. **VK**



Untuk tempahan dan keterangan lanjut sila hubungi:  
**010-537 0432 / 017-675 3679**



DIANA AMIR

**S**EMPENA sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Pertandingan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya bermula Rabu lalu sehingga 16 September 2022.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata penganjuran pertandingan tersebut bertujuan untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga Putrajaya.

"Selain memupuk semangat patriotik, ia juga bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan pada kali ini bertepatan dengan tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' yang melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat di Putrajaya.

"Di samping itu, ia bertujuan bagi menambahkan keceriaan dengan kibaran Jalur Gemilang di jalan-jalan utama dan persekitaran kediaman warga Putrajaya," kata beliau dalam Majlis Penyerahan Jalur Gemilang bersempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 yang diadakan di Dewan Seri Melati, Putrajaya baru-baru ini.

Fadlun berkata pertandingan ini turut melibatkan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri di mana terdapat tiga kategori yang dipertandingkan.

"Antara kategorinya ialah

# Pertandingan Kibar Jalur Gemilang bermula, pupuk semangat patriotik



FADLUN (empat kiri) menyerahkan Jalur Gemilang kepada salah seorang MPPWP Putrajaya.

Kategori Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya yang melibatkan lima sub zon, Kategori Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya melibatkan 15 persatuan dan Kategori Sekolah-Sekolah Wilayah Putrajaya melibatkan 27 buah sekolah," ujar beliau.

Dalam pada itu, sejumlah 16,500 bendera bakal dikibarkan

di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia bersempena Kempen Kibar Jalur Gemilang pada kali ini.

"Kerja-kerja menghias dan pemasangan bendera Malaysia telah bermula pada Rabu lalu sehingga 16 September manakala penjurian akan bermula 22 Ogos sehingga 30 Ogos ini," ujar beliau lagi.

Jelas beliau daripada jumlah 16,500 tersebut sebahagiannya telah diserahkan kepada wakil komuniti Putrajaya dan sebahagiannya digunakan bagi menghiasi jalan-jalan utama di Putrajaya.

"Sebanyak 11,200 Jalur Gemilang diserahkan kepada enam Sub Zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan

Putrajaya (MPPWP Putrajaya), 70 buah persatuan penduduk dan 27 buah sekolah-sekolah Putrajaya.

"Pihak kami juga mula memasang sebanyak 4,400 Jalur Gemilang di tiang-tiang lampu, taman-taman awam serta premis milik PPj seperti kompleks kejiranan, medan selera, dewan dan perpustakaan bermula 15 Julai lalu," kongsikan beliau. **W K**



## BeST-Go PPj 2022 jadikan Putrajaya bandar bersih

**GOTONG-ROYONG.** Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Program BeST-Go PPj 2022 iaitu satu program Gotong-Royong Pembersihan dan Plogging Siar Kaki baru-baru ini.

Bertempat di persisiran tasik berhampiran Menara Seri Wilayah, program tersebut bertujuan untuk memastikan kemudahan-kemudahan di

Putrajaya tampak bersih dan bebas daripada sebarang penyakit.

Diketuai Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, gotong royong yang bermula seawal pukul 8.30 pagi itu turut disertai warga kerja PPj yang menjalankan aktiviti mengutip sampah, mencuci siar kaki dan lain-lain.

Menurut Fadlun, program tersebut akan diteruskan

setiap minggu oleh pihak Alam Flora dan turut melibatkan penduduk Putrajaya, sukarelawan belia, dan sekolah-sekolah di sekitar Putrajaya.

"Selain merupakan aktiviti sihat, program ini akan memberi penumpuan di kawasan masing-masing. Ia bertepatan dengan matlamat dalam menjadikan Putrajaya sebagai bandar terbersih dan terpelihara," ujar beliau.

**PERTANDINGAN KIBAR JALUR GEMILANG SEMEPNA HARI KEMERDEKAAN 2022**

**KATEGORI PERSATUAN PENDUDUK WILAYAH PUTRAJAYA**

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

- Pertandingan adalah terbuka kepada Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya yang bendaftarkan secara sah dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sahaja.
- Hanya 15 Persatuan Penduduk terdaftar sahaja layak menyertai pertandingan ini.
- Pihak urusetia akan menghubung Persatuan Penduduk yang telah lengkap mengisi borang pendaftaran bagi urusan seterusnya.
- Tempoh pertandingan adalah bermula pada 1 Ogos - 31 Ogos 2022.
- Maklumat lanjut boleh menghubungi urus setia pertandingan di talian 03-8887 7580.

**HADIAH MENARIK MENANTI PEMENANG**

Untuk Pendaftaran : Imbas QR Kod atau Sila Layari <https://tinyurl.com/JALURGEMILANG2022>

Mahu teruskan legasi keluarga

# Allif idam sertai tim silat kebangsaan

SABRINA SABRE

**H**AMPIR tujuh tahun aktif dalam sukan silat, atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Allif Hakimi Azhar, 22, mula mengintai peluang untuk menyertai tim kebangsaan demi masa hadapannya.

Baginya, dengan meletakkan harapan tersebut sebagai penanda aras dalam arena sukan yang dicintai, dia akan sentiasa meningkatkan usaha dari semasa ke semasa sehingga menjadi atlet terbaik.

"Saya pasti bukan sahaja ramai yang ingin bergelar pemain negara tetapi setiap atlet sudah semestinya bercita-cita untuk berada di tahap tersebut. Kalau boleh saya ingin mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa."



"Pada masa sama, saya ingin membanggakan warga Wilayah Persekutuan seperti ayah, Azhar Ahmad yang merupakan bekas pesilat negara dan meneruskan legasinya."

"Suatu ketika dahulu, ayah pernah menghargarkan nama negara dengan menyumbang pingat emas pada Kejohanan Pencak Silat Dunia Kuala Lumpur pada tahun 1997," kongsinya dengan Wilayahku.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, atlet dalam kategori Tanding Kelas D Putra (60-65 kilogram) ini fokus kepada dua kejohanan besar yang akan berlangsung pada bulan Julai dan September ini.

"ASEAN University Games (AUG) di Thailand dan Sukan Malaysia (SUKMA) adalah tumpuan saya buat masa sekarang meman-



ALLIF (kanan) mahu lakar kejayaan dalam silat.

dangkan ini merupakan tahun akhir saya sertai SUKMA dan kalau boleh saya ingin mendapatkan pingat emas sebagai kenangan mengakhiri kejohanan tersebut," ujar pelajar jurusan Ijazah Sains Sukan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ini.

Bercerita lanjut tentang su-

kan silat, anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini memaklumkan bagi merealisasikan impianya, dia banyak menghabiskan masa dengan latihan di gelanggang.

"Silat merupakan permainan yang memerlukan strategi. Namun penyusunan untuk menewas-

## Pencapaian Muhammad Allif

2020 - Kejohanan Silat KPM-UTHM - Johan

2019 - Pencak Silat Kebangsaan - Johan

2019 - Pencak Silat Taming Sari - Johan

2018 - UPSI Pencak Silat Open - Johan

kan lawan bukanlah satu perkara yang mudah. Bantuan daripada jurulatih amat penting. Namun, saya tidak hanya mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata.

"Sebagai atlet, kita perlu ada inisiatif sendiri untuk berjaya. Selain daripada itu, saya juga turut mempersiapkan diri dari segi mental agar tidak gentar di gelanggang," ujar anak kelahiran Kuala Lumpur ini. **WK**

## Saya mahu bagi 'kaw-kaw' di Sukan Komanwel Birmingham - Bonnie

JAGUH powerlifting negara Bonnie Bunyau Gustin enggan berputih mata lagi pada penampilan keduanya di Sukan Komanwel di Birmingham, England pada 28 Julai hingga 8 Ogos ini.

Selepas sekadar menduduki tempat keempat ketika membuat kemunculan pertama dalam acara *lightweight* di Gold Coast 2018, Bonnie tekad untuk mengubati kekecewaannya dengan membawa pulang emas buat negara di Birmingham.

"Saya tidak kisah catatan yang akan dilakukan berapa kali ini, yang penting saya hendak bagi 'kaw-kaw' (sepenuhnya) dapatkan pingat emas di Birmingham," katanya kepada Bernama.

Mengulas mengenai pemilihannya sebagai pembawa Jalur Gemilang kontinjen negara di Birmingham, badang kerdil dari Sarawak itu mengaku terkejut dan teruja diberi pengiktirafan berkenaan selepas berpeluang melakukannya pada Sukan Paralimpik Tokyo 2020, tahun lepas.

Juara bertahan Sukan Paralimpik itu berkata keputusan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) memilihnya sebagai pembawa Jalur Gemilang melonjakkan semangatnya untuk menggegar *venue* acara, *The National Exhibition Centre*, dengan meraih keputusan membanggakan buat negara.

Bonnie akan bergandingan dengan pemain skuasy wanita ne-



BONNIE mahu ubati kekecewaan lalu.

gara Aifa Azman bagi menggalas tanggungjawab sebagai pembawa Jalur Gemilang kontinjen Malaysia di Sukan Komanwel Birmingham 2022.

Aifa mengantikan pembawa jalur Gemilang di Birmingham, S. Sivasangari selepas pemain skuasy wanita itu terlibat dalam kemalangan jalan raya, bulan lepas.

Dalam pada itu, Bonnie optimis kecederaan ringan di bahu kirinya tidak akan menjelaskan persembahannya dan akan cuba 'melawan' demi memastikan lagu Negaraku berkumandang di bumi England.

Ditanya mengenai ketiadaan seorang lagi wakil powerlifting, Jong Yee Khie yang menarik diri dari temasya sukan itu, Bonnie berkata

beliau sememangnya akan berasa sunyi tanpa kehadiran rakannya di sisi sepanjang di Birmingham.

"Kali ini saya seorang sahaja atlet powerlifting, rasa sunyi pula sebab biasanya saya keluar bertanding dengan dia (Yee Khie) dan jurulatih," jelasnya.

MOM pada Jumaat lepas mengesahkan Yee Khie menarik diri berikutkan kecederaan dialami pemenang pingat perak Sukan Paralimpik Tokyo 2020 semasa menjalani sesi latihan persiapan ke Birmingham baru-baru ini.

Kontinjen negara ke Sukan Komanwel Birmingham merangkumi 105 atlet menyertai 14 jenis sukan termasuk empat sukan para. - BERNAMA

## Beri saya enam bulan tambah baik prestasi pemain - James Chua

SEKURANG-KURANGNYA empat hingga enam bulan diperlukan jurulatih baharu perseorangan wanita negara James Chua untuk menambah baik prestasi lapan pemain kebangsaan di bawah jagaannya.

Jurulatih berusia 43 tahun itu yang mula bertugas pada Selasa, berkata beliau akan menumpukan kepada pengukuhan aspek taktikal terlebih dahulu sebelum aspek fizikal, kerana percaya para pemainnya yang pernah dilatih Pengarah Pembangunan Remaja Datuk Misbin Sidek sudah mempunyai kekuatan fizikal tersendiri.

"Saya sudah berbincang dengan Pengarah Kejurulatihan Perseorangan Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Wong Choong Hann dan dia setuju dengan program yang saya mahu lakukan terarah lebih kepada taktikal.

"Namun, tidak boleh paksa kerana segelintir mereka mengalami kecederaan dan memerlukan masa untuk baik," katanya ketika ditemui pemberita di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di Bukit Kiara.

Beliau bagaimanapun

berkata agak sukar untuk menetapkan sebarang sasaran setakat ini, namun optimis mampu menentukan pemain yang akan diberikan perhatian penuh dalam usaha melonjakkan ranking pemain perseorangan wanita negara.

Dalam pada itu, James percaya pemain perseorangan wanita negara S. Kisona mampu diangkat menjadi idola bagi pemain muda di Malaysia.

"Saya berpendapat Kisona agak bagus tetapi beliau mengalami kecederaan sebelum ini dan baru sahaja pulih, jadi sekarang beliau di Taiwan untuk kejohanan pertamanya selepas kecederaan. Saya percaya pemain muda boleh cuba mengejar standardnya dan perseorangan wanita juga akan meningkatkan prestasi mereka," katanya.

Menurutnya, Kisona mempunyai kekuatan tangan yang baik namun masih perlu memperbaiki kekuatan bahagian bawah badan dan sekiranya beliau boleh mengatasi masalah berkenaan, pemain ranking ke-54 dunia itu tiada masalah dalam memberi saingan sengit kepada pencabar dari negara lain. - BERNAMA



## Bantu YWP buat kebajikan

HAZIRAH HALIM

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menggesa agensi-agensi di bawahnya tampil membantu Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi memudahkan pergerakan usaha-usaha kebajikan kepada warga kota.

"Saya gesa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi membantu YWP dengan memberikan sesuatu peruntukan tambahan dalam mengerakkan segala aktiviti kebajikan."

"Sekarang ini, mereka (YWP) bergerak dalam bentuk keuntungan kecil tetapi kerja-kerja yang dilaksanakan adalah besar jadi kita akan ambil beberapa langkah terbaik supaya YWP mempunyai kedudukan kewangan yang kuat untuk membantu warga Wilayah Persekutuan," katanya kepada pemberita ketika Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Khas Persekolahan Yayasan Wilayah Persekutuan 2022 di Laman Tun Razak, Jalan Selimang, Taman Tenaga, baru-baru ini.

Beliau juga turut berterima kasih kepada YWP di atas usaha-usaha kebajikannya dalam membantu warga kota terutama pelajar seiring dengan matlamatnya memastikan mereka berjaya serta mampu mengubah kehidupan melalui pendidikan.

"Pendidikan boleh mengubah nasib seorang pelajar dan keluarganya jadi dengan bantuan daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan ketua bahagian setiap parlimen, sumbangan persekolahan iaitu beg serta wang tunai dapat disalurkan," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam



SHAHIDAN (dua dari kanan) menghulurkan sumbangan wang tunai RM100 kepada salah seorang penerima Bantuan Khas Persekolahan YWP 2022 peringkat Parlimen Tun Razak, baru-baru ini.

Zainun mengharapkan agensi dan pihak lain dapat membantu serta memberi peluang kepada YWP untuk menjana pendapatan.

"Sekiranya mereka tidak dapat membantu, ia sedikit sebanyak akan menjelaskan pendapatan YWP kerana 70 peratus daripada dana yang diperuntukkan adalah fokus kepada pendidikan dan selebihnya kepada aktiviti-aktiviti lain."

"YWP menjana pendapatan melalui perniagaan di Wilayah Persekutuan. Saya harap akan ada banyak peluang untuk menjana pendapatan kerana secara tidak langsung ia akan berbalik ke rakyat melalui sumbangan yang diberikan," katanya.

Tambahnya selain daripada bantuan khas persekolahan, YWP turut membantu pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke universiti melalui Skim Bantuan Awal IPT.

"Saya menggesa pelajar yang akan masuk ke IPT untuk mengambil peluang memohon dengan YWP dan bantuan ini akan diserahkan pada awal semester bagi membantu urusan pembayaran dan perbelanjaan pelajar di universiti."

"Untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan skim tersebut, pelajar dan ibu bapa boleh melayari laman web rasmi Yayasan Wilayah Persekutuan atau menghubungi nombor telefon tertera untuk berhubung terus dengan pihak YWP," katanya. WK

## Berhenti jadi scammer... - Awie

LAGENDA rock negara Datuk Awie menasihati belia yang terlibat dengan sindiket penipuan atau *scammer* agar segera mencari pekerjaan lain yang menjamin masa depan.

Awie atau nama sebenarnya Ahmad Azhar Othman berkata daripada maklumat polis kebanyakan *scammer* terdiri daripada belia dan telah dilatih oleh sindiket untuk menipu mangsa menerusi panggilan telefon.

"Sebelum ini saya pernah beberapa kali cuba dihubungi mereka menerusi panggilan telefon yang terdiri daripada golongan belia dalam lingkungan umur 21 hingga 23 tahun."

"Apabila gagal mempengaruhi saya, mereka bergaduh dengan saya dan mengeluarkan kata-kata kesat," katanya kepada pemberita ketika menghadiri Kempen Anti-Scam Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2022 Polis Kontinen Perlis, di sini.

Awie berkata sebelum mengakhiri perbualan telefon beliau sempat menasihati mereka untuk berhenti melakukan kerja tersebut dan bayangkan sekiranya ahli keluarga terdekat sendiri mengalami kerugian puluhan ribuan ringgit akibat menjadi mangsa sindiket penipuan.

"Tidak puas hati dengan nasihat saya, mereka mengganggu saya 20 hingga 30 kali sehari namun saya tidak melayannya," kata pelakon dan penyanyi itu yang dilantik sebagai duta anti-scam.

Beliau berkata tugas membanteras kegiatan jenayah penipuan tidak wajar hanya diletakkan pada bahu pihak polis sebaliknya ia adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia.

Awie bersama 35 penunggang motosikal berkuasa tinggi menyertai jelajah kempen kesedaran anti-scam ke seluruh Semenanjung yang berlangsung dalam tiga fasa dengan fasa pertama bermula 19 Julai sehingga 22 Julai meliputi empat negeri di utara semenanjung iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis. - BERNAMA

## Siti Nurhaliza buka sekolah di Gaza, sasar RM1 juta untuk amal

DEEL ANJER

PENYANYI nomor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza membuka sekolah pendidikan awal kanak-kanak diberi nama Afwa & Aafiyah di Gaza, Palestin, hampir setahun lalu.

Menurut pemilik nama sebenar Siti Nurhaliza Tarudin, 43, sekolah yang ditubuhkan menerusi Yayasan Nurjiwa bersama suami, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa atau Datuk K itu kini diuruskan oleh sahabat mereka yang juga orang tempatan di sana.

"Alhamdulillah, setiap bulan saya dan suami secara peribadi serta Yayasan Nurjiwa membuat sumbangan untuk keperluan sekolah itu."

"Kita nak berterusan dan

semuanya daripada kami. Kalau ada rezeki lebih, contoh setiap kali saya ada persembahan, menjadi duta, memang saya peruntukan agihan zakat dan sebagainya untuk dibahagikan juga kepada pembelajaran kanak-kanak di sekolah itu. Sekarang sudah ada hampir 50 pelajar."

"Buat masa sekarang, sekolah itu diuruskan oleh sahabat baik kami di sana. Dia akan mengemas kini apa saja aktiviti pelajar di sana seperti pengajian, ujian, hafazan dan peperiksaan. Malah ketika hari jadi saya dan kedua-dua anak, mereka mengadakan doa selamat di sana."

"Sekolah ini sudah hampir setahun beroperasi. Setakat ini kami menyewa tempat dulu termasuk tenaga pengajar pun kita



yang bayar. Setiap bulan memang diperuntukkan RM10,000, kadang-kadang lebih dari itu sebab

ada nak beli buku dan sebagainya. Tapi amanu itu memang tetap," katanya.

Terdahulu, Siti ditemui pada Sidang Media Music of The Soul: An Evening with Dato' Sri Siti Nurhaliza, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Konsert tersebut adalah persembahan amal bagi mengutip dana yang akan disalurkan terus ke Yayasan Nurjiwa.

"Sasaran kutipan RM1 juta untuk dua malam (5 dan 6 November), semua untuk Yayasan Nurjiwa. Tapi kalau orang perseorangan atau syarikat yang nak buat sumbangan pun boleh tak ada masalah, kita terbuka," ujar Siti.

Music of The Soul: An Evening with Dato' Sri Siti Nurhaliza bakal diadakan pada 5 dan 6 November depan di Dewan Planery, KLCC. WK